



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 313**

## **AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

**AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 24 Disember 1984

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 31 Disember 1984

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 313

### AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

#### PENTADBIRAN

3. Pelantikan pegawai
4. Kewajipan Pengarah
5. Perwakilan kuasa oleh Pengarah
6. Perwakilan kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada Pengarah

#### BAHAGIAN III

#### HUTAN SIMPANAN KEKAL

##### *Bab 1—Pewujudan Hutan Simpanan Kekal*

7. Kuasa untuk mewujudkan hutan simpanan kekal
8. Hutan simpanan yang sedia ada disifatkan sebagai hutan simpanan kekal
9. Pengambilan tanah untuk dijadikan hutan simpanan kekal

##### *Bab 2—Pengelasan Hutan Simpanan Kekal*

10. Pengarah hendaklah mengelaskan hutan simpanan kekal

*Bab 3—Pengeluaran kawasan tanah daripada  
Hutan Simpanan Kekal*

Seksyen

11. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan kawasan tanah daripada hutan simpanan kekal
12. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menggantikan kawasan tanah yang dikeluarkan daripada hutan simpanan kekal
13. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu dalam *Warta* apa-apa pengeluaran kawasan tanah daripada hutan simpanan kekal

BAHAGIAN IV

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN HUTAN

*Bab 1—Hak keempunyaan ke atas Hasil Hutan  
dalam Hutan Simpanan Kekal dan tanah Kerajaan*

14. Segala hasil hutan adalah harta Pihak Berkuasa Negeri
15. Larangan mengambil hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan melainkan jika dilesen, dsb.
16. Kuasa untuk mengeluarkan lesen, permit penggunaan, dsb., dengan cara tender, perjanjian, dsb.
17. Bangunan hendaklah terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri apabila tamatnya lesen, dsb.
18. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengubah peruntukan atau melanjutkan masa

*Bab 2—Lesen*

19. Kuasa untuk melesen pengambilan hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan
20. Kehendak yang perlu dipenuhi oleh pemohon
21. Tempoh, syarat dan bentuk lesen
22. Pembaharuan lesen
23. Lesen tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak
24. Rancangan pengurusan hutan, rancangan mengusaha hasil hutan, dsb., hendaklah dilaksanakan
25. Pengarah boleh memerintahkan pemegang lesen supaya memberhentikan kerja jika terdapat pelanggaran Akta atau lesen
26. Pengarah boleh membatalkan notis Borang 2
27. Penggantungan dan pembatalan lesen berikutan penyampaian notis Borang 2

*Bab 3—Lesen Kecil*

Seksyen

28. Kuasa untuk membenarkan pengambilan hasil hutan dengan cara lesen kecil
29. Pengeluaran lesen kecil oleh Pengarah
30. Tempoh, syarat, dsb., dan bentuk lesen kecil
31. Lesen kecil tidak boleh dipindah milik atau berpindah atas kematian

*Bab 4—Permit Penggunaan*

32. Pendudukan, atau penjalanan aktiviti di atas, hutan simpanan kekal dilarang
33. Kuasa untuk membenarkan pendudukan, atau penjalanan aktiviti dalam, hutan simpanan kekal
34. Pengeluaran permit penggunaan oleh Pengarah
35. Permit penggunaan tidak boleh dikeluarkan bagi maksud mengambil hasil hutan
36. Tempoh, syarat, dsb., dan bentuk permit penggunaan
37. Permit penggunaan tidak boleh dipindah milik atau berpindah atas kematian
38. Permit penggunaan boleh digantung atau dibatal
39. Harta alih yang masih berada di atas tanah apabila tamat tempoh permit penggunaan

*Bab 5—Lesen Pemindah*

40. Lesen pemindah adalah dikehendaki bagi memindahkan hasil hutan dari tanah tertentu
41. Kuasa untuk membenarkan pemindahan hasil hutan
42. Pengeluaran lesen pemindah oleh Pengarah
43. Tempoh, syarat, dsb., dan bentuk lesen pemindah
44. Lesen pemindah tidak boleh dipindah milik atau berpindah atas kematian

*Bab 6—Kemasukan dalam Hutan Simpanan Kekal*

45. Kuasa untuk mengisytiharkan hutan simpanan kekal, hutan terbuka atau hutan tertutup
46. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menimbangkan perlindungan hutan dan keperluan awam, dsb.

## Seksyen

47. Tidak dibenarkan masuk ke dalam hutan tertutup tetapi ada kecualian tertentu
48. Kuasa untuk menggantung hak masuk
49. Kuasa untuk mengehendakkan hak masuk ke dalam hutan terbuka

*Bab 7—Jalan dalam Hutan Simpanan Kekal  
dan Kawasan Lesen*

50. Penggunaan jalan hutan tanpa permit jalan dilarang
51. Pengarah boleh membina jalan hutan
52. Pemegang lesen hendaklah membina dan menyenggara jalan
53. Pemegang lesen berhak menggunakan jalan yang dibina atau disenggara olehnya
54. Pengarah boleh menghendaki pengguna jalan hutan membayar tol kepada pemegang lesen
55. Tiada liabiliti Pengarah atau Pihak Berkuasa Negeri kerana kekurangan memperbaiki jalan hutan

*Bab 8—Kumpulan Wang Pembangunan Hutan*

56. Penubuhan dan pentadbiran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan
57. Wang yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang
58. Tujuan Kumpulan Wang
59. Akaun dan audit
60. Ses pembangunan hutan

BAHAGIAN V

ROYALTI DAN PREMIUM

*Bab 1—Royalti*

61. Royalti yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri
62. Kuasa untuk meremitkan, meringankan atau melepaskan royalti
63. Kegagalan menebang dan memindahkan hasil hutan

*Bab 2—Penandaan Hasil Hutan*

64. Pengarah hendaklah menyenggara daftar tanda harta
65. Pemegang lesen hendaklah menanda hasil hutan

*Bab 3—Pengukuran Hasil Hutan*

Seksyen

66. Tempat pengukuran hasil hutan yang dipindahkan dari kawasan lesen
67. Tempat pengukuran hasil hutan yang dipindahkan dari tanah beri milik dan tanah lombong

*Bab 4—Pemilikan Hasil Hutan*

68. Pas pemindah
69. Operator loji penukaran dihendaki mempunyai pas pemindah dan rekod pengukuran
70. Pengeluaran dan bentuk pas pemindah
71. Pengecualian

*Bab 5—Pembayaran Royalti, Premium, Ses dan  
Caj Lain yang Kena Dibayar kepada Pihak  
Berkuasa Negeri*

72. Royalti, dsb., kena dibayar apabila ditaksir
73. Hak milik hasil hutan
74. Hasil hutan akan terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri jika royalti, dsb., tidak dibayar
75. Deposit bagi menjamin bayaran

BAHAGIAN VI

KAYU TIDAK DITUNTUT

76. Kayu tidak dituntut disifatkan sebagai harta Pihak Berkuasa Negeri
77. Notis awam bagi kayu yang diambil di bawah seksyen 76
78. Tatacara menuntut kayu
79. Pelupusan kayu tidak dituntut
80. Bayaran yang kena dibuat oleh pihak menuntut sebelum penghantaran kayu

BAHAGIAN VII

PELBAGAI KESALAHAN DAN PENALTI

81. Perbuatan yang dilarang dalam hutan simpanan kekal

Seksyen

82. Larangan pembakaran
83. Pembuangan sampah-sarap secara mengganggu
84. Memiliki hasil hutan secara menyalahi undang-undang
85. Pas memindah dikehendaki bagi pemindahan hasil hutan di antara Negeri
86. Penalti kerana melancung, atau mencacat, atau memiliki alat bagi melancung, tanda pada pokok dan kayu dan mengubah tanda sempadan
87. Penalti am

#### BAHAGIAN VIII

#### PENGUATKUASAAN

##### *Bab 1—Kuasa Menangkap, Mengeledah, Menyita dan Menyiasat*

88. Kuasa menangkap, menyita dan menyiasat
89. Menyita hasil hutan yang menjadi perkara kesalahan
90. Mengeledah dengan waran
91. Mengeledah tanpa waran
92. Kuasa untuk memberhenti dan mengeledah pengangkut

##### *Bab 2—Peruntukan Mengenai Barang yang Disita*

93. Kewajipan pegawai yang menyita
94. Pelucuthakan benda yang disita
95. Tiada kos, ganti rugi, dsb., atas penyitaan

##### *Bab 3—Pelbagai*

96. Pegawai hutan boleh memasuki dan memeriksa loji penukaran, dsb.
97. Pengarah boleh melarang pengambilan hasil hutan atas sebab tertentu
98. Pengarah boleh menutup saluran air atau jalan hutan
99. Kad kuasa
100. Memberi maklumat kepada pegawai hutan
- 100A. Hadiah
- 100B. Perlindungan pemberi maklumat



Seksyen

- 101. Pengkompaunan kesalahan
- 101A. Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembatalan dan hilang kelayakan

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

- 102. Penyampaian notis
- 103. Tindakan oleh dan terhadap Pihak Berkuasa Negeri
- 104. Anggapan
- 105. Perakuan Pengarah mengenai nilai hasil hutan, dsb.
- 106. Perlindungan pegawai hutan, pegawai polis, anggota angkatan tentera dan orang lain
- 107. Penyalahgunaan kuasa
- 108. Mendapatkan wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri
- 109. Kesalahan yang dilakukan oleh perbadanan
- 110. Kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, pekhidmat atau ejen
- 110A. Kesalahan yang dilakukan oleh pemegang lesen atau pemegang permit
- 111. Kaedah-kaedah

BAHAGIAN X

PEMANSUHAN, PERUNTUKAN PERALIHAN, DSB.

- 112. Pemansuhan undang-undang sedia ada
- 113. Kecualian
- 114. Ubah suaian bagi Wilayah Persekutuan
- 115. Peruntukan peralihan berkenaan dengan pegawai
- 116. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri membuat peruntukan peralihan tambahan, dsb.
- 117. Peruntukan peralihan berkenaan dengan kaedah-kaedah, perintah, dsb.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 313

#### AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan dalam Negeri di Malaysia dan bagi maksud yang berkaitan.

*[Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur—  
1 April 1986, P.U. (B) 148/1986;  
Wilayah Persekutuan Labuan—  
15 Januari 1994, P.U. (B) 27/1994]*

BAHAWASANYA adalah suai manfaat bagi maksud hanya untuk menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri di Malaysia untuk membuat undang-undang mengenai pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (1)(b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, **MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perhutanan Negara 1984 dan adalah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini tidaklah boleh berkuat kuasa dalam sesuatu Negeri melainkan ia telah diterima pakai oleh suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri menurut Fasal (3) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan.

(3) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada suatu tarikh sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(4) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa bagi mana-mana Wilayah Persekutuan lain pada suatu tarikh sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan dalam pemakaiannya bagi Wilayah itu Akta ini hendaklah tertakluk kepada apa-apa ubah suaian sebagaimana yang boleh diperuntukkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah.

### **Tafsiran**

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota angkatan tentera” ertinya seseorang anggota angkatan tentera yang berpangkat tidak rendah daripada Lans Koperal;

“Borang”, yang diikuti dengan suatu nombor, ertinya borang dalam Jadual Pertama yang dikenal pasti dengan nombor sedemikian;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh mana-mana kaedah;

“guano” termasuklah tahi burung dan tahi kelawar;

“hasil hutan” termasuklah—

(a) yang berikut apabila dijumpai di dalam atau dibawa keluar dari hutan simpanan kekal:

guano, gambut, batu batan, pasir laut, pasir sungai, kerang laut, pasir kerang dan tanah permukaan;

(b) yang berikut apabila dijumpai di dalam atau dibawa keluar dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan:

(i) pokok dan semua bahagian atau hasil pokok yang tidak disebut selepas daripada ini;

(ii) tumbuh-tumbuhan termasuk pepanjat, tumbuhan menjalar dan rumput, dan semua bahagian atau hasil tumbuh-tumbuhan sedemikian;

(iii) sutera, kokun, madu dan lilin dan sarang burung boleh makan;

(c) yang berikut sama ada dijumpai di dalam atau dibawa keluar dari hutan simpanan kekal, tanah Kerajaan, tanah lombong, tanah rizab atau tanah beri milik:

kayu, kayu api, arang, getah, getah daun taban, minyak kayu, kulit kayu, ekstrak kulit, damar dan atap;

“hasil kecil hutan” ertinya hasil hutan yang dinyatakan dalam Bahagian B Jadual Kedua;

“hasil utama hutan” ertinya hasil hutan yang dinyatakan dalam Bahagian A Jadual Kedua;

“hutan simpanan kekal” ertinya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan suatu hutan simpanan kekal di bawah Akta ini;

“hutan terbuka” ertinya mana-mana hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya yang diisytiharkan sebagai hutan terbuka di bawah seksyen 45;

“hutan tertutup” ertinya mana-mana hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya yang diisytiharkan atau disifatkan sebagai hutan tertutup di bawah seksyen 45;

“jalan” termasuklah apa-apa rintisan, lorong, jambatan dan kawasan lapang untuk meletakkan rel;

“jalan hutan” ertinya mana-mana jalan yang terletak dalam hutan simpanan kekal tetapi tidak termasuk jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan atau jalan Negeri;

“kaedah-kaedah” ertinya kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;

“kawasan lesen” ertinya kawasan yang diberi sempadan di bawah perenggan 20(a);

“kayu” termasuklah pokok apabila ditebang atau telah ditebang, dan semua kayu sama ada dipotong, dibentuk atau dirongga ataupun tidak bagi apa-apa maksud;

“kayu api” ertinya kayu yang sesuai hanya bagi kegunaan bahan api, atau kayu yang ditebang dengan sah bagi kegunaan

bahan api dan tidak digunakan, atau, pada pendapat Pengarah, yang tidak dicadang untuk digunakan bagi maksud lain;

“kayu bulat” ertinya mana-mana bahagian yang dipotong daripada pokok, dan yang mempunyai garis pusat tidak kurang daripada tiga puluh sentimeter pada sebelah hujungnya yang besar, yang tidak disediakan untuk digunakan selain membuang kulit dan dahan dan sama ada bersegi kasar atau dibahagi secara membujur yang tidak melebihi empat keping supaya mudah diangkut atau ditukar;

“kayu ditukar bentuk” ertinya kayu yang telah dipotong, digergaji, dibelah baji, dibelah, dibentuk atau direka bentuk menjadi kepingan bertujuan untuk digunakan bagi apa-apa maksud selain bahan api;

“kayu jaras” ertinya mana-mana bahagian yang dipotong daripada pokok, dan yang mempunyai garis pusat kurang daripada tiga puluh sentimeter pada sebelah hujungnya yang besar, yang tidak disediakan selanjutnya untuk digunakan selain membuang kulit dan dahan yang menganjur;

“kesalahan hutan” ertinya suatu kesalahan di bawah Akta ini;

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Bab 2 Bahagian IV;

“lesen kecil” ertinya suatu lesen kecil yang dikeluarkan di bawah Bab 3 Bahagian IV;

“lesen pemindah” ertinya suatu lesen pemindah yang dikeluarkan di bawah Bab 5 Bahagian IV;

“loji penukaran” ertinya mana-mana loji, kilang atau premis, dengan atau tanpa struktur atau pembaharuan, di dalam atau di mana hasil hutan adalah atau boleh ditukar bentuk;

“mengambil” berhubungan dengan hasil hutan termasuklah setiap aktiviti yang terlibat dalam—

- (a) pengusahahasilan, pemungutan, penorehan, perlombongan, penguarian atau pemindahan apa-apa hasil hutan;
- (b) pencacatan atau perosakan hasil hutan; atau
- (c) peragutan ternakan di atas hasil hutan;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perhutanan;

“notis Borang 2” ertinya notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 25;

“pas pemindah” ertinya suatu pas bagi memindahkan hasil hutan yang dikeluarkan di bawah seksyen 70;

“pegawai hutan” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

“pegawai polis” ertinya mana-mana anggota Polis Diraja Malaysia;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang lesen dikeluarkan kepadanya;

“pengangkut” termasuklah kapal, kereta api, kenderaan, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan lain yang dengannya orang atau barang boleh dibawa;

“Pengarah” ertinya Pengarah Perhutanan Negeri yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) dan termasuk Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri, dan dalam seksyen 25, 26 dan 27 termasuk juga Pegawai Hutan Daerah;

“pekhidmat” ertinya mana-mana orang sama ada dia seorang warganegara Malaysia atau bukan yang diambil bekerja bagi upah;

“permit jalan” ertinya suatu permit jalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 50;

“permit masuk” ertinya suatu permit untuk memasuki hutan simpanan kekal yang dikeluarkan di bawah perenggan 47(1)(c);

“permit penggunaan” ertinya suatu permit penggunaan yang dikeluarkan di bawah Bab 4 Bahagian IV;

“Pihak Berkuasa Kewangan Negeri” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Akta Tatacara Kewangan 1967 [*Akta 61*];

“pokok” termasuklah akar, tunggul, batang, dahan, daun, belukar, palma, buluh, rotan dan tumbuhan jalar;

“premium” termasuklah apa-apa jumlah wang yang dibenarkan untuk ditaksir sebagai ganti premium;

“rancangan mengusaha hasil hutan” ertinya suatu rancangan kendalian yang menyatakan cara dan kaedah bagi menebang pokok dari suatu hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan tertentu, atau sebahagian daripadanya, untuk memastikan pengambilan pokok sedemikian secara teratur;

“rancangan penghutan semula” ertinya rancangan kendalian yang berhubungan dengan penubuhan tanaman pokok atau penanaman semula pokok di suatu kawasan dalam hutan simpanan kekal;

“rancangan pengurusan hutan” ertinya suatu rancangan kendalian yang berhubungan dengan aktiviti atau program silvikultur, ekonomi atau pemuliharaan yang ditetapkan bagi sesuatu hutan simpanan kekal tertentu atau sebahagian daripadanya untuk memastikan pengambilan, penanaman semula dan pemuliharaan pokok dengan teratur mengikut prinsip perolehan berkekalan;

“rekod ukuran” ertinya suatu rekod bagi ukuran hasil hutan yang dibuat oleh mana-mana pegawai hutan mengikut peruntukan Bab 3 Bahagian V dan mana-mana kaedah;

“royalti” termasuklah apa-apa jumlah wang yang dibenarkan untuk ditaksir sebagai ganti royalti;

“taksiran” ertinya sesuatu pernyataan secara bertulis yang dialamatkan kepada mana-mana orang menyatakan amaun apa-apa royalti, premium, ses, caj atau jumlah wang lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh orang yang kepadanya pernyataan itu dialamatkan;

“tanda” berhubungan dengan hasil hutan ertinya menanda, mengecat, mengecap, melabel atau selainnya untuk mengenal pasti hasil hutan; dan “suatu tanda” termasuklah apa-apa huruf, nombor, simbol dan tanda lain, yang digunakan bagi mengenal pasti hasil hutan;

“tanda harta” ertinya sesuatu tanda yang seseorang pemegang lesen berhak meletakkan pada kayu untuk menyatakan bahawa



dia adalah berhak ke atas kepunyaan kayu sedemikian setelah membayar semua royalti, ses dan caj lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri ke atas kayu itu dan setelah memperoleh pas pemindah;

“tanda sempadan” termasuklah apa-apa batu ukur, paip besi atau pepaku besi, pancang kayu atau tiang kayu, tiang konkrit atau tonggak konkrit, pokok bertanda atau tanda ukur lain yang dibuat atas arahan Pengarah;

“ternakan” termasuk gajah, kerbau, kuda, kuda padi, baghal, keldai, babi, biri-biri dan kambing;

“tukar bentuk” berhubungan dengan hasil hutan ertinya memproses atau mengawet dengan apa-apa cara selain—

- (a) mengusaha hasil, memungut atau memindah hasil hutan dari tempat yang ianya diusaha hasil atau dipungut;
- (b) manual, memotong atau menseliat apabila perlu bagi maksud atau bersampingan dengan maksud pemindahan dari mana-mana hutan; atau
- (c) membentuk hasil hutan dalam mana-mana hutan jika dibenarkan secara khusus oleh mana-mana kaedah;

“undang-undang hutan terdahulu” ertinya mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan hutan yang berkuat kuasa dalam sesuatu Negeri pada bila-bila masa sebelum Akta ini mula berkuat kuasa.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang ditakrifkan dalam Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] hendaklah disifatkan mempunyai makna yang diberikan kepadanya oleh Kanun itu:

Dengan syarat bahawa di Negeri Terengganu “tanah beri milik” juga termasuk konsesi yang diberikan di bawah prerogatif diraja sebelum terkanunnya apa-apa undang-undang tanah.

(3) Dalam Akta ini, apa-apa sebutan mengenai Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis tertentu termasuklah sebutan mengenai mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

## BAHAGIAN II

## PENTADBIRAN

**Pelantikan pegawai**

3. (1) Bagi maksud Akta ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik seorang Pengarah Perhutanan Negeri dan beberapa orang Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri, Penolong Pengarah Perhutanan Negeri, Pegawai Hutan Daerah, Penolong Pegawai Hutan Daerah dan pegawai lain sebagaimana perlu.

(2) Pelantikan Pengarah Perhutanan Negeri, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri, Penolong Pengarah Perhutanan Negeri, Pegawai Hutan Daerah, Penolong Pegawai Hutan Daerah dan pegawai lain sebagaimana perlu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Kewajipan Pengarah**

4. Pengarah hendaklah—

- (a) bertanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pentadbiran wajar peruntukan Akta ini di dalam Negeri;
- (b) menyebabkan supaya disediakan dan dilaksanakan rancangan pengurusan hutan Negeri yang hendaklah menyatakan kebenaran menebang sama ada dalam bentuk isi padu atau luas kawasan, mengikut prinsip perolehan berkekalan;
- (c) menyebabkan supaya disediakan dan dilaksanakan rancangan penghutanan semula;
- (d) menyebabkan supaya dikaji semula dari semasa ke semasa rancangan pengurusan hutan Negeri dan rancangan penghutanan semula yang disediakan masing-masing di bawah perenggan (b) dan (c);
- (e) menyebabkan supaya disediakan dan dilaksanakan program mengenai hutan lipur;
- (f) menyebabkan supaya disediakan suatu laporan tahunan mengenai aktiviti Jabatan Perhutanan Negeri sepanjang tahun kewangan yang terdahulu dan menyerahkan laporan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Ketua Pengarah

Jabatan Perhutanan Persekutuan sebelum 30 Jun setiap tahun;

- (g) menyebabkan supaya disediakan dan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri sebelum 30 September setiap tahun suatu belanjawan tahunan mengenai tahun kewangan yang berikutnya bagi maksud perenggan (b), (c), (d), (e) dan (f);
- (h) melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

### **Perwakilan kuasa oleh Pengarah**

5. (1) Pengarah boleh, mewakili secara bertulis, tertakluk kepada syarat dan sekatan itu sebagaimana ditetapkan dalam surat cara perwakilan itu, penjalanan dan pelaksanaan—

- (a) apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberikan atau dipertanggungjawabkan ke atasnya di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah; dan
- (b) apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberikan atau dipertanggungjawabkan ke atasnya di bawah seksyen 88, 89, 90, 91, 92 atau 93 kepada mana-mana anggota angkatan tentera:

Dengan syarat bahawa suatu perwakilan kepada mana-mana anggota angkatan tentera di bawah seksyen 88 tidak termasuk kuasa menyiasat.

(2) Mana-mana perwakilan di bawah seksyen ini mengenai apa-apa kuasa atau kewajipan tidak menghalang Pengarah daripada menjalankan kuasa atau melaksanakan kewajipan itu sendiri dalam apa-apa hal jika dia mendapati adalah suai manfaat berbuat demikian.

### **Perwakilan kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada Pengarah**

6. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakili kepada Pengarah penjalanan atau pelaksanaan (tertakluk atas apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana ditetapkan

dalam pemberitahuan itu) apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberikan atau dipertanggungjawabkan ke atas Pihak Berkuasa Negeri itu di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa—

- (a) seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat kaedah-kaedah di bawah Akta ini; dan
- (b) pemberian suatu pemberitahuan di bawah seksyen ini mengenai apa-apa kuasa atau kewajipan tidak menghalang Pihak Berkuasa Negeri daripada menjalankan kuasa atau melaksanakan kewajipan itu sendiri dalam apa-apa hal jika pada hemat Pihak Berkuasa Negeri adalah suai manfaat berbuat demikian.

### BAHAGIAN III

#### HUTAN SIMPANAN KEKAL

##### *Bab 1—Pewujudan Hutan Simpanan Kekal*

#### **Kuasa untuk mewujudkan hutan simpanan kekal**

7. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh menjadikan mana-mana tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal dengan menyiarkan dalam *Warta* suatu pemberitahuan—

- (a) menentukan kedudukan dan keluasan tanah itu; dan
- (b) mengisytiharkan bahawa tanah itu hendaklah menjadi suatu hutan simpanan kekal mulai dari tarikh yang ditetapkan melalui pemberitahuan itu.

(2) Mulai dari tarikh yang ditetapkan itu, tanah tersebut hendaklah menjadi suatu hutan simpanan kekal.

#### **Hutan simpanan yang sedia ada disifatkan sebagai hutan simpanan kekal**

8. Mana-mana tanah yang telah dijadikan hutan simpanan di bawah mana-mana undang-undang hutan terdahulu hendaklah disifatkan sebagai suatu hutan simpanan kekal.

**Pengambilan tanah untuk dijadikan hutan simpanan kekal**

9. Jika Pihak Berkuasa Negeri memikirkannya suai manfaat untuk menjadikan mana-mana tanah, yang bukannya tanah Kerajaan atau tanah rizab atau tanah yang terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri, suatu hutan simpanan kekal, Pihak Berkuasa Negeri boleh menyebabkan tanah itu diambil mengikut mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengambilan tanah bagi maksud awam yang sedang berkuat kuasa dalam Negeri tersebut dan apa-apa pengisytiharan yang perlu di bawah undang-undang bertulis itu bolehlah dibuat, dan pengisytiharan itu hendaklah mempunyai kesan seolah-olah ianya suatu pengisytiharan bahawa tanah itu diperlukan bagi maksud awam yang dibuat mengikut undang-undang bertulis itu.

*Bab 2—Pengelasan Hutan Simpanan Kekal***Pengarah hendaklah mengelaskan hutan simpanan kekal**

10. (1) Pengarah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, hendaklah melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengelaskan tiap-tiap hutan simpanan kekal di bawah satu atau lebih pengelasan yang berikut yang hendaklah menggambarkan maksud atau maksud-maksud yang tanah itu sedang digunakan atau dicadang hendak digunakan:

- (a) hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan;
- (b) hutan perlindungan tanah;
- (c) hutan tebus guna tanah;
- (d) hutan kawalan banjir;
- (e) hutan tadahan air;
- (f) hutan perlindungan hidupan liar;
- (g) hutan simpanan hutan dara;
- (h) hutan lipur;
- (i) hutan pelajaran;
- (j) hutan penyelidikan;
- (k) hutan bagi maksud persekutuan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), mana-mana hutan simpanan kekal boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian dan setiap bahagian itu, kedudukan dan keluasannya hendaklah dinyatakan dalam pemberitahuan tersebut, boleh dikelaskan di bawah satu atau lebih pengelasan yang disenaraikan dalam subseksyen (1).

(3) Pengarah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menukar pengelasan mana-mana hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan di bawah subseksyen (1) jika terdapat penukaran dalam maksud atau maksud-maksud yang hutan itu atau sebahagian daripadanya telah dikelaskan.

(4) Sesuatu hutan simpanan kekal, sehingga dikelaskan di bawah subseksyen (1), hendaklah disifatkan telah dikelaskan di bawah perenggan (1)(a).

### *Bab 3—Pengeluaran kawasan tanah daripada Hutan Simpanan Kekal*

#### **Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan kawasan tanah daripada hutan simpanan kekal**

**11.** Pihak Berkuasa Negeri, jika berpuas hati bahawa mana-mana kawasan tanah dalam hutan simpanan kekal—

- (a) tidak lagi diperlukan bagi maksud yang ia dikelaskan di bawah seksyen 10; dan
- (b) diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan yang sedang dilakukan sekarang,

boleh mengeluarkan kawasan tanah itu daripada hutan simpanan kekal.

#### **Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menggantikan kawasan tanah yang dikeluarkan daripada hutan simpanan kekal**

**12.** Jika mana-mana kawasan tanah dikeluarkan di bawah seksyen 11, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, jika boleh dan sekiranya berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan negara berbuat demikian setelah mengambil kira:

- (a) keperluan bagi pemuliharaan tanah dan air, kepelbagaian hayat serta pertimbangan lain ke atas alam sekitar;

- (b) keperluan untuk mengekalkan pengeluaran kayu di dalam Negeri itu bagi memenuhi kehendak industri perhutanan;
- (c) pembangunan ekonomi Negeri itu; dan
- (d) terdapatnya tanah yang sesuai,

menjadikan dengan mengikut seksyen 7 suatu kawasan tanah yang lebih kurang sama luasnya sebagai suatu hutan simpanan kekal.

**Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu dalam *Warta* apa-apa pengeluaran kawasan tanah daripada hutan simpanan kekal**

**13.** (1) Apabila mana-mana kawasan tanah dikeluarkan daripada hutan simpanan kekal, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyebabkan supaya disiarkan dalam *Warta* suatu pemberitahuan—

- (a) menentukan kedudukan dan keluasan kawasan tanah itu; dan
- (b) mengisytiharkan bahawa kawasan tanah itu tidak lagi menjadi hutan simpanan kekal mulai dari tarikh yang ditetapkan melalui pemberitahuan itu.

(2) Mulai dari tarikh yang ditetapkan itu, kawasan tanah tersebut tidak lagi menjadi hutan simpanan kekal.

#### BAHAGIAN IV

##### PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN HUTAN

*Bab 1—Hak keempunyaan ke atas Hasil Hutan dalam Hutan Simpanan Kekal dan tanah Kerajaan*

**Segala hasil hutan adalah harta Pihak Berkuasa Negeri**

**14.** Segala hasil hutan yang berada, terletak, tumbuh atau berasal dalam hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa Negeri kecuali jika hak ke atas hasil hutan itu telah dilupuskan secara khusus mengikut peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

**Larangan mengambil hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan melainkan jika dilesen, dsb.**

**15.** (1) Tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan kecuali—

- (a) di bawah kuasa suatu lesen, lesen kecil atau permit penggunaan; atau
- (b) mengikut mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima ratus ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun.

(3) Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan ke atas sabitan itu, diperintahkan membayar, berkenaan dengan apa-apa hasil hutan yang diambil secara menyalahi undang-undang, kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda royalti, premium dan ses;
- (b) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai hasil hutan itu; dan
- (c) apa-apa caj lain yang kena dibayar,

dan apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar itu boleh didapatkan kembali seolah-olah ianya suatu denda yang dikenakan sedemikian.

**Kuasa untuk mengeluarkan lesen, permit penggunaan, dsb., dengan cara tender, perjanjian, dsb.**

**16.** Sesuatu kebenaran—

- (a) untuk mengambil hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan dengan cara lesen atau lesen kecil; atau

---

\*CATATAN—Sebelum ini “sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].



- (b) untuk menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti atas mana-mana tanah hutan simpanan kekal dengan cara permit penggunaan,

boleh diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri—

- (aa) selepas ia menyebabkan supaya dipelawa tender mengenainya;
- (bb) selepas ia merundingkan suatu perjanjian mengenainya; atau
- (cc) mengikut apa-apa cara lain atau melalui apa-apa proses lain sebagaimana difikirkannya patut dalam hal keadaan sesuatu kes tertentu.

**Bangunan hendaklah terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri apabila tamatnya lesen, dsb.**

17. (1) Apabila tamatnya mana-mana lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang hutan terdahulu, maka hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (3), terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri semua bangunan atas tanah itu (dibina oleh sesiapa pun) selain apa-apa binaan sementara dan yang boleh dialih.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada apa-apa pampasan akan dibayar oleh Pihak Berkuasa Negeri berkenaan apa-apa bangunan yang diletak hak kepadanya menurut seksyen ini.

(3) Subseksyen (1) dan (2) hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam lesen atau permit.

**Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengubah peruntukan atau melanjutkan masa**

18. Pihak Berkuasa Negeri boleh—

- (a) mengubah atau membatalkan mana-mana peruntukan dalam mana-mana lesen, lesen kecil, permit penggunaan atau lesen pemindah yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau di bawah peruntukan mana-mana undang-undang hutan terdahulu, jika berpuas hati bahawa pematuhan ke

atasnya adalah mustahil atau kesusahan yang besar akan terakru kepada pemegang lesen, pemegang lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

- (b) melanjutkan atas apa-apa terma sebagaimana difikirkan oleh Pihak Berkuasa Negeri patut dikenakan, tempoh dalam mana sesuatu tindakan perlu dilakukan mengikut mana-mana peruntukan Akta ini.

### *Bab 2—Lesen*

#### **Kuasa untuk melesen pengambilan hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan**

**19.** Pihak Berkuasa Negeri boleh, mengikut peruntukan Bab ini dan mana-mana kaedah, membenarkan pengambilan hasil hutan dengan lesen daripada mana-mana hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan.

#### **Kehendak yang perlu dipenuhi oleh pemohon**

**20.** Melainkan jika dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Negeri, sebelum sesuatu lesen dikeluarkan, Pengarah boleh menghendaki pemohon membuat mana-mana atau kesemua perkara yang berikut:

- (a) menandakan di atas tanah itu sempadan kawasan atau sebahagian daripadanya yang diliputi oleh lesen tersebut, kedudukan dan keluasannya hendaklah ditentukan oleh Pengarah mengikut peruntukan lesen itu, yang kendalian akan dijalankan oleh pemohon apabila menjadi pemegang lesen;
- (b) menyediakan—
- (i) rancangan pengurusan hutan atau rancangan mengusaha hasil hutan; dan
  - (ii) rancangan penghutan semula mengikut cara yang dinyatakan oleh Pengarah;
- (c) mendaftar dengan Pengarah suatu tanda harta yang diluluskan oleh Pengarah.

### **Tempoh, syarat dan bentuk lesen**

**21.** (1) Kecuali setakat yang ditetapkan selainnya, tiap-tiap lesen hendaklah dikeluarkan bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh keluarannya, dan, tertakluk kepada seksyen 22, boleh dibaharui dari semasa ke semasa.

(2) Tiap-tiap lesen hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di dalamnya dan, setakat yang tidak berlawanan dengannya, kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan.

(3) Tiap-tiap lesen hendaklah seperti dalam Borang 1 dan, dalam hal pembaharuan lesen, ia hendaklah diendors dengan suatu catatan mengenai pembaharuan itu serta tarikh tamat tempohnya yang dicadangkan.

### **Pembaharuan lesen**

**22.** (1) Lesen boleh, tertakluk kepada apa-apa arahan yang berlawanan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan kepada mana-mana kaedah, dibaharui oleh Pengarah bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi membaharui lesen hendaklah dikemukakan kepada Pengarah tidak lewat dari tiga puluh hari dari tarikh tamat tempohnya.

(3) Jika Pengarah meluluskan permohonan itu, dia boleh membaharui lesen itu bagi tempoh tidak melebihi enam bulan, dan apabila membaharui lesen itu boleh mengubah, memotong atau menambah peruntukan yang terkandung di dalamnya.

### **Lesen tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak**

**23.** (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), suatu lesen tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak dan tiap-tiap lesen hendaklah tamat atas kematian orang, atau pembubaran perbadanan, yang pada masa itu adalah pemegang lesen tersebut.

(2) Suatu lesen yang dikeluarkan kepada badan berkanun boleh dipindah milik atau diserahkan hak dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, sekiranya orang yang sedang menjadi pemegang lesen itu mati atau tidak berupaya, membenarkan lesen itu dipindah milik atau diserahkan hak.

**Rancangan pengurusan hutan, rancangan mengusaha hasil hutan, dsb., hendaklah dilaksanakan**

**24.** (1) Seseorang pemegang lesen yang telah dikehendaki di bawah seksyen 20 supaya menyediakan—

(a) suatu rancangan pengurusan hutan atau rancangan mengusaha hasil hutan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) suatu rancangan penghutan semula,

hendaklah, mulai dari tarikh yang ditetapkan oleh Pengarah, melaksanakannya sehingga memuaskan hati Pengarah.

(2) Jika seseorang pemegang lesen, tanpa sebab yang munasabah, tidak melaksanakan rancangan penghutan semula sehingga memuaskan hati Pengarah, Pengarah boleh selain membatalkan lesen, menghendaki pemegang lesen membayar dengan segera kepada Pihak Berkuasa Negeri sejumlah wang yang sama banyaknya dengan amaun yang akan ditanggung beban oleh Pihak Berkuasa Negeri jika ia mengaku janji atau menggaji mana-mana orang untuk melaksanakan rancangan itu, amaun itu hendaklah ditaksir oleh Pengarah mengikut garis panduan dan kadar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Pengarah boleh memerintahkan pemegang lesen supaya memberhentikan kerja jika terdapat pelanggaran Akta atau lesen**

**25.** (1) Jika Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang pemegang lesen telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau suatu lesen, dia boleh, dengan menghantar suatu notis seperti dalam Borang 2 kepada pemegang lesen itu, memerintahkan pemegang lesen itu, pekhidmat dan ejennya supaya memberhentikan dengan serta-merta segala kerja dalam kawasan pemegang lesen itu atau mana-mana bahagiannya.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi notis Borang 2 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya, dan jika kesalahan itu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya yang tidak melebihi daripada \*\*\*satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada hari yang kesalahan itu berterusan.

### **Pengarah boleh membatalkan notis Borang 2**

**26.** Pengarah boleh pada bila-bila masa membatalkan notis Borang 2 jika difikirkannya patut atau suai manfaat berbuat demikian.

### **Penggantungan dan pembatalan lesen berikutan penyampaian notis Borang 2**

**27.** (1) Kecuali jika notis Borang 2 telah terlebih dahulu dibatalkan di bawah seksyen 26, Pengarah hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari penyampaian notis itu, menghendaki pemegang lesen yang dinamakan dalam notis itu supaya hadir di hadapannya dan memberi sebab mengapa lesennya tidak patut digantung atau dibatalkan.

(2) Seseorang yang dipanggil untuk memberi sebab di bawah subseksyen (1) hendaklah diberi oleh Pengarah secara bertulis butir-butir pelanggaran yang dikatakan terhadapnya, dan dia boleh hadir sendiri atau diwakili oleh mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.

(3) Jika selepas perbincangan itu Pengarah berpuas hati bahawa pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau lesen itu, dia boleh—

(a) membatalkan lesen itu; atau

(b) menggantung lesen itu bagi sesuatu tempoh sebagaimana ditentukannya.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “lima ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “dua tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*\*CATATAN—Sebelum ini “tiga ratus ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

(4) Seseorang yang terkilan dengan sesuatu keputusan Pengarah di bawah subseksyen (3) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu diterima olehnya, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

(5) Suatu keputusan Pengarah di bawah subseksyen (3) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta tanpa mengira apa-apa rayuan di bawah subseksyen (4).

### *Bab 3—Lesen Kecil*

#### **Kuasa untuk membenarkan pengambilan hasil hutan dengan cara lesen kecil**

**28.** Pihak Berkuasa Negeri boleh, mengikut peruntukan Bab ini dan mana-mana kaedah, membenarkan pengambilan dengan lesen (dikenali sebagai lesen kecil) apa-apa hasil utama hutan yang tidak melebihi tujuh puluh meter padu atau mana-mana hasil kecil hutan dari mana-mana—

(a) hutan simpanan kekal; atau

(b) tanah Kerajaan.

#### **Pengeluaran lesen kecil oleh Pengarah**

**29.** Lesen kecil boleh, tertakluk kepada apa-apa arahan yang berlawanan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan kepada mana-mana kaedah, dikeluarkan atau dibaharui oleh Pengarah bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri.

#### **Tempoh, syarat, dsb., dan bentuk lesen kecil**

**30.** (1) Kecuali setakat yang ditetapkan selainnya, tiap-tiap lesen kecil hendaklah dikeluarkan bagi suatu tempoh yang tamat tidak lebih dari akhir tahun kalendar dalam mana ia mula dikeluarkan, dan, tertakluk kepada subseksyen (3), boleh dibaharui dari semasa ke semasa.

(2) Tiap-tiap lesen kecil hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang terkandung di dalamnya dan, setakat yang tidak berlawanan dengannya, kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan.

(3) Pengarah boleh, atas permohonan seseorang pemegang lesen kecil yang dibuat tidak lewat dari tiga puluh hari sebelum tamat tempohnya, membarui lesen kecil itu bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan, dan apabila membarui suatu lesen kecil, Pengarah boleh mengubah, memotong atau menambah peruntukan yang terkandung di dalamnya.

(4) Tiap-tiap lesen kecil hendaklah seperti dalam Borang 3 dan dalam hal pembaharuan lesen itu ia hendaklah diendos dengan suatu catatan mengenai pembaharuan itu serta tarikh tamat tempohnya yang dicadangkan.

### **Lesen kecil tidak boleh dipindah milik atau berpindah atas kematian**

**31.** Suatu lesen kecil tidak boleh diserahkan; dan tiap-tiap lesen kecil hendaklah tamat atas kematian orang, atau pembubaran perbadanan, yang pada masa itu adalah pemegang lesen tersebut.

## *Bab 4—Permit Penggunaan*

### **Pendudukan, atau penjalanan aktiviti di atas, hutan simpanan kekal dilarang**

**32.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada seorang pun boleh menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti atas mana-mana tanah dalam kawasan hutan simpanan kekal, melainkan jika dia adalah pemegang suatu permit penggunaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi pendudukan, atau

---

\*CATATAN—Sebelum ini “lima ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “dua tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

penjalanan apa-apa aktiviti di atas, mana-mana tanah dalam hutan simpanan kekal jika perbuatan atau aktiviti itu adalah—

- (a) bagi menjalankan hak yang diberi atau melaksanakan kewajipan yang dipertanggungkan oleh mana-mana lesen, lesen kecil, permit masuk atau permit jalan; atau
- (b) dibenarkan atau dikehendaki supaya dilakukan di bawah Akta ini.

### **Kuasa untuk membenarkan pendudukan, atau penjalanan aktiviti dalam, hutan simpanan kekal**

33. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, mengikut peruntukan Bab ini dan mana-mana kaedah, membenarkan pendudukan, atau penjalanan apa-apa aktiviti di atas, mana-mana tanah dalam hutan simpanan kekal.

(2) Permit bagi menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti di dalam mana-mana hutan simpanan kekal yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (1) adalah dikenali sebagai permit penggunaan.

### **Pengeluaran permit penggunaan oleh Pengarah**

34. Permit penggunaan boleh, tertakluk kepada apa-apa arahan yang berlawanan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan kepada mana-mana kaedah, dikeluarkan atau dibaharui oleh Pengarah bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri bagi menjalankan mana-mana aktiviti yang berikut:

- (a) penyelidikan;
- (b) pelajaran atau latihan;
- (c) rekreasi;
- (d) penggunaan sumber air kecuali pembinaan atau pengendalian empangan hidroelektrik;
- (e) penanaman sayur-sayuran dan tanaman foder;
- (f) penubuhan loji penukaran;
- (g) penubuhan infrastruktur pembalakan.



**Permit penggunaan tidak boleh dikeluarkan bagi maksud mengambil hasil hutan**

**35.** Tiada apa-apa pun dalam Bab ini boleh diertikan sebagai memberi kuasa untuk mengeluarkan suatu permit penggunaan bagi maksud membenarkan pemegangnya mengambil hasil hutan dari suatu hutan simpanan kekal, walau bagaimanapun sesuatu permit penggunaan yang dikeluarkan itu boleh mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pemegangnya mengambil hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu sekiranya—

- (a) pengambilan hasil hutan itu adalah bersampingan dengan atau perlu bagi maksud yang mengenainya permit penggunaan itu dikeluarkan; atau
- (b) hasil hutan itu adalah, dengan permit penggunaan itu, dibenarkan untuk ditanam oleh pemegang permit tersebut.

**Tempoh, syarat, dsb., dan bentuk permit penggunaan**

**36.** (1) Kecuali setakat yang ditetapkan selainnya, tiap-tiap permit penggunaan hendaklah dikeluarkan bagi suatu tempoh yang tamat tidak lebih dari akhir tahun kalendar dalam mana ia mula dikeluarkan, dan, tertakluk kepada subseksyen (3), boleh dibaharui dari semasa ke semasa.

(2) Tiap-tiap permit penggunaan hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang terkandung di dalamnya dan, setakat yang tidak berlawanan dengannya, kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan.

(3) Pengarah boleh, atas permohonan seseorang pemegang permit penggunaan yang dibuat tidak lewat dari tiga puluh hari sebelum tamat tempohnya, membaharui permit penggunaan itu bagi suatu tempoh tidak lebih dari satu tahun kalendar, dan apabila membaharui suatu permit penggunaan, Pengarah boleh mengubah, memotong atau menambah peruntukan yang terkandung di dalamnya.

(4) Tiap-tiap permit penggunaan hendaklah seperti dalam Borang 4 dan, dalam hal pembaharuan permit penggunaan, ia hendaklah diendors dengan suatu catatan mengenai pembaharuan itu serta tarikh tamat tempohnya yang dicadangkan.

**Permit penggunaan tidak boleh dipindah milik atau berpindah atas kematian**

37. Sesuatu permit penggunaan tidak boleh diserahkan; dan tiap-tiap permit penggunaan hendaklah tamat tempohnya atas kematian orang, atau pembubaran perbadanan, yang pada masa itu adalah pemegang permit tersebut.

**Permit penggunaan boleh digantung atau dibatal**

38. Suatu permit penggunaan boleh digantung atau dibatalkan mengikut cara dan setakat yang diperuntukkan dalam seksyen 25, 26 dan 27 seolah-olah suatu permit penggunaan adalah suatu lesen yang tersebut dalam seksyen itu.

**Harta alih yang masih berada di atas tanah apabila tamat tempoh permit penggunaan**

39. Mana-mana harta alih yang dibawa ke atas tanah yang diliputi oleh sesuatu permit penggunaan boleh dipindahkan oleh pemunya permit itu dalam tempoh permit penggunaan itu, tetapi jika mana-mana harta alih berada di atas tanah itu lebih dari sembilan puluh hari selepas tamat tempoh atau pembatalan permit itu, Pengarah boleh melupuskan harta itu mengikut apa-apa cara sebagaimana difikirkannya patut, dan boleh mendapatkan semula daripada pemunya harta atau pemegang permit penggunaan itu apa-apa perbelanjaan yang ditanggung olehnya dalam melupuskan harta tersebut.

*Bab 5—Lesen Pemindah***Lesen pemindah adalah dikehendaki bagi memindahkan hasil hutan dari tanah tertentu**

40. (1) Tiada seorang pun boleh memindahkan apa-apa hasil hutan dari mana-mana—

(a) tanah beri milik;

(b) tanah di bawah lesen pendudukan sementara;

(c) tanah lombong; atau

(d) tanah rizab,

melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen pemindah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima ratus ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun.

(2A) Mana-mana orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan ke atas sabitan itu, diperintahkan membayar, berkenaan dengan apa-apa hasil hutan yang diambil secara menyalahi undang-undang, kepada Pihak Berkuasa Negeri—

(a) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda royalti, premium dan ses;

(b) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai hasil hutan itu; dan

(c) apa-apa caj lain yang kena dibayar,

dan apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar itu boleh didapatkan kembali seolah-olah ianya suatu denda yang dikenakan sedemikian.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan daripada seksyen ini apa-apa hasil hutan yang dipindahkan dari mana-mana tanah beri milik oleh mana-mana orang asli bagi mana-mana maksud yang dinyatakan di bawah perenggan 62(2)(b).

### **Kuasa untuk membenarkan pemindahan hasil hutan**

**41.** Pihak Berkuasa Negeri boleh, mengikut peruntukan Bab ini dan mana-mana kaedah, membenarkan pemindahan dengan lesen (dikenali sebagai lesen pemindah) apa-apa hasil hutan dari mana-mana—

(a) tanah beri milik;

(b) tanah di bawah lesen pendudukan sementara;

---

\*CATATAN—Sebelum ini “satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi daripada enam bulan atau kedua-duanya”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

- (c) tanah lombong; atau
- (d) tanah rizab.

### **Pengeluaran lesen pemindah oleh Pengarah**

**42.** (1) Lesen pemindah boleh, tertakluk kepada apa-apa arahan yang berlawanan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan mana-mana kaedah, dikeluarkan oleh Pengarah bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Sesuatu lesen pemindah hanya boleh dikeluarkan—

- (a) dalam hal tanah beri milik, kepada pemunya tanah itu atau, dengan izinnya, kepada mana-mana orang lain;
- (b) dalam hal tanah di bawah lesen pendudukan sementara, kepada pemegang lesen itu atau, dengan izinnya, kepada mana-mana orang lain;
- (c) dalam hal tanah lombong, kepada orang yang pajakan lombong atau perakuan lombong itu telah diberi atau dikeluarkan atau, dengan izinnya, kepada mana-mana orang lain; atau
- (d) dalam hal tanah rizab—
  - (i) kepada orang yang dilantik di bawah Kanun Tanah Negara sebagai pegawai yang pada masa itu sedang mempunyai kawalan ke atas tanah rizab itu atau, dengan izinnya, kepada mana-mana orang lain; atau
  - (ii) jika tanah itu telah dipajakkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, kepada orang yang pajakan itu telah diberi atau, dengan izinnya, kepada mana-mana orang lain.

### **Tempoh, syarat, dsb., dan bentuk lesen pemindah**

**43.** (1) Kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya, tiap-tiap lesen pemindah hendaklah dikeluarkan bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(2) Tiap-tiap lesen pemindah hendaklah berkuat kuasa tertakluk

kepada apa-apa peruntukan yang terkandung di dalamnya dan, setakat yang tidak berlawanan dengannya, kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan.

(3) Tiap-tiap lesen pemindah hendaklah seperti dalam Borang 5.

**Lesen pemindah tidak boleh dipindah milik atau berpindah atas kematian**

44. Suatu lesen pemindah tidak boleh diserahkan; dan tiap-tiap lesen pemindah hendaklah tamat atas kematian orang, atau pembubaran perbadanan, yang pada masa itu adalah pemegang lesen tersebut.

*Bab 6—Kemasukan dalam Hutan Simpanan Kekal*

**Kuasa untuk mengisytiharkan hutan simpanan kekal, hutan terbuka atau hutan tertutup**

45. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya sebagai hutan terbuka atau hutan tertutup, dan sehingga suatu hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya telah diisytiharkan sebagai hutan terbuka ianya hendaklah disifatkan sebagai hutan tertutup.

**Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menimbangkan perlindungan hutan dan keperluan awam, dsb.**

46. Dalam menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 45, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberi pertimbangan wajar terhadap keperluan perlindungan hutan dan alam sekeliling serta rekreasi dan keperluan awam lain.

**Tidak dibenarkan masuk ke dalam hutan tertutup tetapi ada kecualian tertentu**

47. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki mana-mana hutan tertutup kecuali—

- (a) seseorang pemegang lesen, pekhidmat atau ejennya, tetapi hanya bagi maksud menjalankan hak yang diberikan oleh lesen itu;

- (b) seseorang pegawai hutan atau seseorang yang diberikan kuasa oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, tetapi hanya bagi maksud menjalankan fungsi yang dia dilantik atau diberi kuasa;
- (c) seseorang yang memegang permit memasuki hutan simpanan kekal, tetapi hanya bagi tempoh yang disebut di dalam permit itu;
- (d) seseorang pemegang permit penggunaan, pekhidmat dan ejennya, tetapi hanya bagi maksud menjalankan hak yang diberikan oleh permit penggunaan itu; dan
- (e) mana-mana orang lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Pengarah tetapi hanya bagi maksud yang dibenarkan itu.

(2) Suatu permit masuk hanya boleh dikeluarkan oleh Pengarah atau oleh seorang pegawai hutan yang diberi kuasa oleh Pengarah untuk mengeluarkannya.

(3) Tiap-tiap permit masuk hendaklah seperti dalam Borang 6.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk menggantung hak masuk**

**48.** Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan permit masuk boleh menggantung hak masuk mana-mana orang yang disebut dalam perenggan 47(a), (c) dan (d)—

- (a) jika dia mempunyai sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa terdapat pelanggaran terhadap—
  - (i) mana-mana peruntukan Akta ini; atau

---

\*CATATAN—Sebelum ini “lima ratus ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “tiga bulan”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

- (ii) mana-mana peruntukan sesuatu lesen, lesen kecil, permit penggunaan, permit masuk atau permit jalan; atau
- (b) jika terdapat berlakunya suatu kejadian atau keadaan atau kebakaran atau bencana lain yang boleh membahayakan hutan.

### **Kuasa untuk menghadkan hak masuk ke dalam hutan terbuka**

**49.** Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana difikirkannya patut mengenai hak masuk ke dalam hutan terbuka kepada mana-mana orang atau golongan orang.

#### *Bab 7—Jalan dalam Hutan Simpanan Kekal dan Kawasan Lesen*

### **Penggunaan jalan hutan tanpa permit jalan dilarang**

**50.** (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan apa-apa kenderaan bermotor di atas mana-mana jalan hutan melainkan jika dia adalah pemegang suatu permit jalan yang dikeluarkan oleh Pengarah.

(2) Tiap-tiap permit jalan hendaklah seperti dalam Borang 7.

(3) Pengarah boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada subseksyen (1).

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*sepuluh ribu ringgit.

(5) Dalam seksyen ini “kenderaan bermotor” ertinya tiap-tiap perihal kenderaan yang digerakkan dengan cara pesawat yang terkandung di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah treler.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “dua ratus lima puluh ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

**Pengarah boleh membina jalan hutan**

51. Pengarah boleh menyebabkan supaya dibina atau disenggara jalan hutan sebagaimana difikirkannya perlu bagi maksud Akta ini.

**Pemegang lesen hendaklah membina dan menyenggara jalan**

52. Seseorang pemegang lesen hendaklah di dalam dan di sekitar kawasan lesen, membina atas perbelanjaannya sendiri semua jalan yang ditetapkan dalam rancangan pengurusan hutan atau rancangan mengusaha hasil hutan atau yang dikehendaki oleh Pengarah supaya dibina; dan jalan itu, bersama-sama dengan mana-mana jalan lain yang sedia ada semasa memperoleh lesen, hendaklah dibina, disenggara dan, apabila tamat tempoh lesen itu, ditinggalkan, mengikut rancangan pengurusan hutan dan rancangan mengusaha hasil kayu atau kehendak yang ditetapkan oleh Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Pemegang lesen berhak menggunakan jalan yang dibina atau disenggara olehnya**

53. Seseorang pemegang lesen yang membina atau menyenggara suatu jalan di bawah seksyen 52, pekhidmat atau ejennya, adalah berhak menggunakan jalan itu bagi maksud mengambil hasil hutan dari kawasan lesennya dan, kecuali sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 54, dia tidak boleh melewi apa-apa caj atau tol bagi kegunaan jalan itu oleh orang lain.

**Pengarah boleh menghendaki pengguna jalan hutan membayar tol kepada pemegang lesen**

54. Jika mengenai jalan hutan yang dibina atau disenggara oleh pemegang lesen di bawah seksyen 52 Pengarah, di bawah subseksyen 50(1), membenarkan penggunaan jalan itu oleh orang selain pemegang lesen, pekhidmat atau ejennya, Pengarah boleh mengarahkan supaya orang itu membayar tol kepada pemegang lesen pada kadar yang ditentukan oleh Pengarah kerana penggunaan jalan itu, dengan syarat bahawa Pengarah tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tol yang tidak dibayar kepada pemegang lesen oleh orang itu.



**Tiada liabiliti Pengarah atau Pihak Berkuasa Negeri kerana kekurangan memperbaiki jalan hutan**

**55.** Di dalam kawasan hutan simpanan kekal atau suatu kawasan lesen, baik Pihak Berkuasa Negeri mahu pun Pengarah tidak mempunyai kewajipan untuk memperbaiki atau menyenggara mana-mana jalan atau meletakkan isyarat yang memberi amaran mengenai apa-apa keadaan atau bencana di atasnya, dan tidak mempunyai tanggungan bagi apa-apa kecederaan atau kematian mana-mana orang atau kerosakan kepada mana-mana harta yang disebabkan oleh keadaan atau standard pembinaan atau penyenggaraan jalan itu.

*Bab 8—Kumpulan Wang Pembangunan Hutan*

**Penubuhan dan pentadbiran Kumpulan Wang Pembangunan Hutan**

**56.** (1) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Pembangunan Hutan” (selepas daripada ini disebut “Kumpulan Wang”).

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah ditadbir oleh suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembangunan Hutan” (selepas daripada ini disebut “Jawatankuasa”) yang terdiri daripada—

- (a) Setiausaha Kerajaan, sebagai Pengerusi;
- (b) Pegawai Kewangan Negeri; dan
- (c) Pengarah.

**Wang yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang**

**57.** (1) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu—

- (a) sejumlah wang yang akan diperuntukkan secara tahunan oleh Dewan Undangan Negeri yang perlu bagi maksud Kumpulan Wang itu bagi tahun kewangan yang berikutnya;
- (b) ses pembangunan hutan yang dipungut di bawah seksyen 60;

- (c) apa-apa pinjaman atau pemberian yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud Kumpulan Wang itu;
- (d) apa-apa wang yang dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 24(2); dan
- (e) semua wang yang dipungut di bawah undang-undang hutan terdahulu oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud membiayai penyelidikan hutan, kerja silvikultur, mengukur hutan, inventori dan kerja lain yang berkaitan dengan pembangunan hutan di dalam Negeri, yang masih tidak dibelanjakan.

(2) Semua wang yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang hendaklah—

- (a) didepositkan dalam Bank Negara Malaysia atau dalam mana-mana bank yang dilesen dengan sepenuhnya di bawah \*Akta Bank 1973 [*Akta 102*]; atau
- (b) dilabur mengikut peruntukan Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*].

### **Tujuan Kumpulan Wang**

**58.** Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi tujuan berikut:

- (a) menyediakan rancangan pengurusan hutan Negeri yang diperlukan di bawah perenggan 4(b);
- (b) menyediakan dan melaksanakan rancangan penghutan semula yang diperlukan di bawah perenggan 4(c);
- (c) mengkaji semula rancangan pengurusan hutan Negeri dan rancangan penghutan semula yang diperlukan di bawah perenggan 4(d);
- (d) menyediakan dan melaksanakan program berhubung dengan hutan lipur yang diperlukan di bawah perenggan 4(e); dan
- (e) apa-apa perbelanjaan yang ditanggung beban oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam melaksanakan rancangan penghutan semula di bawah seksyen 24.

---

\*CATATAN—Akta Bank 1973 [*Akta 102*] telah dimansuhkan oleh Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*]*—lihat* seksyen 128 Akta 372.

### **Akaun dan audit**

**59.** (1) Jawatankuasa hendaklah menyenggara akaun dan rekod lain yang sempurna mengenai pengendalian Kumpulan Wang itu, dan hendaklah menyebabkan supaya disediakan suatu penyata akaun bagi setiap tahun kewangan.

(2) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan akaunnya diaudit pada tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara.

(3) Setelah akaun Jawatankuasa itu diaudit, tetapi tidak lebih lama dari enam bulan selepas akhir tahun kewangan itu, Jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya satu salinan penyata akaun yang diaudit itu diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara mengenai penyata atau mengenai akaun Jawatankuasa itu.

(4) Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyebabkan supaya satu salinan penyata dan pandangan itu diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (3) untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.

### **Ses pembangunan hutan**

**60.** (1) Bagi tujuan Kumpulan Wang, maka hendaklah kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu ses (dikenali sebagai ses pembangunan hutan) mengenai apa-apa hasil hutan, yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, yang dikeluarkan dari mana-mana hutan simpanan kekal, tanah Kerajaan, tanah rizab, tanah lombong atau tanah beri milik, mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual tersebut.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan perintah,—

(a) menetapkan cara pungutan ses itu; dan

(b) meminda Jadual Ketiga.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi pemindahan hasil hutan oleh pemegang lesen yang telah dikehendaki menjalankan program penghutanan semula di bawah seksyen 24.

## BAHAGIAN V

## ROYALTI DAN PREMIUM

*Bab 1—Royalti***Royalti yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri**

**61.** Royalti hendaklah kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai semua hasil hutan yang diambil mengikut kadar yang ditetapkan dalam senarai kadar royalti sebagaimana disiarkan dalam *Warta* oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Kuasa untuk meremitkan, meringankan atau melepaskan royalti**

**62.** (1) Walau apa pun seksyen 61, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengurangkan, meringankan atau melepaskan apa-apa royalti mengenai, atau mengecualikan daripada royalti, mana-mana hasil hutan atau kelas hasil hutan yang diambil.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang berlawanan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah boleh mengurangkan, meringankan atau melepaskan apa-apa royalti mengenai, atau mengecualikan daripada royalti—

- (a) apa-apa hasil hutan atau kelas hasil hutan bagi maksud yang berikut:
  - (i) bagi maksud saintifik, atau maksud bukan komersial yang lain;
  - (ii) untuk menggalakkan penggunaan pelbagai ukuran dan jenis hasil hutan yang mempunyai kurang atau tiada permintaan pasaran dan yang selainnya tidak menguntungkan jika diambil;
  - (iii) untuk menggalakkan pengambilan hasil hutan yang dirosakkan oleh kebakaran, perosak, penyakit atau sebab lain;
  - (iv) bagi pembinaan jalan hutan atau apa-apa kerja kemudahan awam;

- (b) apa-apa hasil hutan atau kelas hasil hutan yang diambil dari mana-mana tanah Kerajaan atau tanah beri milik oleh mana-mana orang asli bagi—
- (i) pembinaan dan pembaikan pondok sementara atas mana-mana tanah yang diduduki secara sah oleh orang asli itu;
  - (ii) penyenggaraan kelong menangkap ikan dan tempat mendarat;
  - (iii) kayu api atau maksud domestik lain; atau
  - (iv) pembinaan atau penyenggaraan apa-apa kerja bagi faedah bersama orang asli.

### **Kegagalan menebang dan memindahkan hasil hutan**

**63.** (1) Jika mana-mana hasil hutan yang dikehendaki dengan lesen supaya ditebang dan dipindahkan tidak pula ditebang sebelum tamat tempoh lesen itu, atau tidak dipindahkan dalam tempoh tiga puluh hari apabila tamat tempoh lesen itu, atau rosak atau dimusnahkan oleh sebab kerja yang dijalankan di dalam atau di sekitar kawasan lesen, Pengarah boleh mengeluarkan suatu taksiran terhadap pemegang lesen itu sebanyak amaun hingga tiga kali ganda royalti, premium, ses dan caj lain dan apa-apa hasil hutan yang telah ditebang tetapi belum dipindahkan hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa Negeri bebas daripada segala beban, walaupun royalti, premium, ses atau caj lain itu telah dibayar bagi hasil hutan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Suatu taksiran di bawah subseksyen (1) hendaklah berasaskan pemeriksaan kawasan lesen itu oleh pegawai hutan yang dibuat dalam tempoh tiga bulan, atau suatu tempoh lanjut sebagaimana dibenarkan oleh Pengarah, selepas tamatnya lesen itu.

(3) Mana-mana orang yang terkilan dengan taksiran yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari penyampaian taksiran itu kepadanya, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

*Bab 2—Penandaan Hasil Hutan***Pengarah hendaklah menyenggara daftar tanda harta**

**64.** Pengarah hendaklah menyenggara suatu daftar bagi semua tanda harta dan daftar itu hendaklah mengandungi—

- (a) butir-butir setiap tanda harta yang didaftarkan;
- (b) nama pemegang lesen yang berkenaan; dan
- (c) perihal lesen dan kawasan lesen.

**Pemegang lesen hendaklah menanda hasil hutan**

**65.** (1) Melainkan jika ditetapkan selainnya, seorang pemegang lesen hendaklah menyebabkan supaya ditanda semua hasil hutan yang diambil dari kawasan lesen mengikut mana-mana kaedah.

(2) Apa-apa hasil hutan yang tidak bertanda sebagaimana dikehendaki oleh subseksyen (1) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai harta Pihak Berkuasa Negeri.

*Bab 3—Pengukuran Hasil Hutan***Tempat pengukuran hasil hutan yang dipindahkan dari kawasan lesen**

**66.** (1) Semua hasil hutan yang baginya royalti, premium, ses atau caj lain kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri hendaklah diukur oleh pegawai hutan sebelum pemindahannya dari kawasan lesen dari mana ianya diambil atau, jika lesen di bawah mana ianya diambil memperuntukkan selainnya, maka pengukuran itu hendaklah dibuat di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Jika diperuntukkan dalam lesen bahawa hasil hutan hendaklah diukur di suatu tempat di luar kawasan lesen, Pengarah boleh menyatakan jalan melalui mana hasil hutan itu hendaklah diangkut ke tempat tersebut bagi maksud pengukuran.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) atau (2), Pengarah boleh, pada bila-bila masa, menyatakan tempat atau masa bagi pengukuran itu, atau menetapkan jalan bagi mengangkut hasil hutan selain tempat, masa dan jalan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (2).

(4) Mana-mana orang—

- (a) yang memindahkan mana-mana hasil hutan dari kawasan lesen dengan melanggar subseksyen (1);
- (b) yang, dalam mengangkut apa-apa hasil hutan dari kawasan lesen ke tempat pengukuran yang dinyatakan oleh Pengarah di bawah subseksyen (3), tanpa sebab yang munasabah, menggunakan jalan yang lain daripada jalan yang ditetapkan oleh Pengarah di bawah subseksyen (2) atau (3); atau
- (c) yang, tanpa sebab yang munasabah, memindahkan apa-apa hasil hutan dari kawasan lesen ke suatu tempat yang lain daripada tempat pengukuran hasil hutan itu sebagaimana dinyatakan oleh Pengarah di bawah subseksyen (3),

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

### **Tempat pengukuran hasil hutan yang dipindahkan dari tanah beri milik dan tanah lombong**

**67.** (1) Mana-mana hasil hutan yang dipindahkan dari mana-mana—

- (a) tanah beri milik;
- (b) tanah di bawah lesen pendudukan sementara;
- (c) tanah lombong; atau
- (d) tanah rizab,

hendaklah, jika royalti kena dibayar ke atas hasil hutan itu, dibawa ke suatu tempat yang dinyatakan dalam lesen pemindah itu atau ke suatu tempat sebagaimana dinyatakan oleh Pengarah, bagi pengukuran hasil tersebut.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “lima ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “dua tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

*Bab 4—Pemilikan Hasil Hutan***Pas pemindah**

**68.** (1) Tiada seorang pun boleh ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya apa-apa hasil hutan melainkan jika dia memiliki suatu pas bagi pemindahan hasil hutan itu.

(2) Pas pemindah itu hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh mana-mana pegawai hutan.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi mana-mana hasil hutan yang berada di atas—

- (a) kawasan lesen;
- (b) kawasan yang dinyatakan dalam permit penggunaan;
- (c) mana-mana tanah beri milik;
- (d) mana-mana tanah di bawah lesen pendudukan sementara;
- (e) mana-mana tanah lombong; atau
- (f) mana-mana tanah rizab,

dari mana ianya diambil sebelum pemindahannya dari kawasan atau tanah itu, atau bagi mana-mana hasil hutan dalam perjalanan melalui jalan yang dinyatakan di bawah subseksyen 66(2) atau (3).

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

- (a) jika kesalahan itu di bawah subseksyen (1), didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya;
- (b) jika kesalahan itu di bawah subseksyen (2), didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Operator loji penukaran dikehendaki mempunyai pas pemindah dan rekod pengukuran**

**69.** (1) Tiada seorang pun boleh terlibat dalam menukar mana-mana hasil hutan atau ada dalam kawalannya atau jagaannya



sesuatu loji penukaran melainkan jika dia memiliki suatu pas pemindah dan suatu rekod ukuran mengenai semua hasil hutan yang telah ditukar atau sedang ditukar atau hampir hendak ditukar atau berada di dalam atau sekitar loji penukaran atau premis lain di bawah jagaannya atau kawalannya.

(2) Pas pemindah dan rekod ukuran itu hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh mana-mana pegawai hutan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

(a) jika kesalahan itu di bawah subseksyen (1), didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya;

(b) jika kesalahan itu di bawah subseksyen (2), didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Pengeluaran dan bentuk pas pemindah**

**70.** (1) Sesuatu pas pemindah hanya boleh dikeluarkan oleh Pengarah atau oleh seseorang pegawai hutan yang diberi kuasa oleh pengarah untuk mengeluarkannya.

(2) Tiap-tiap pas pemindah hendaklah seperti dalam Borang 8.

(3) Dalam hal hasil hutan yang tiada apa-apa royalti kena dibayar baginya kepada Pihak Berkuasa Negeri, lesen, lesen kecil, permit penggunaan atau lesen pemindah di bawah mana hasil hutan itu diambil atau dipindahkan, hendaklah disifatkan sebagai suatu pas pemindah bagi maksud Bab ini.

### **Pengecualian**

**71.** Tertakluk kepada mana-mana kaedah, Pengarah boleh mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Bab ini jika—

(a) loji penukaran di bawah jagaan atau kawalan orang itu berada di dalam atau berhampiran dengan kawasan lesen itu;

- (b) Pengarah memikirkan adalah lebih suai manfaat untuk mengukur hasil hutan itu selepas penukaran bentuk; atau
- (c) Pengarah berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak akan menyebabkan apa-apa kerugian royalti atau hasil lain kepada Pihak Berkuasa Negeri.

*Bab 5—Pembayaran Royalti, Premium, Ses dan Caj Lain yang Kena Dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri*

**Royalti, dsb., kena dibayar apabila ditaksir**

72. (1) Royalti, premium, ses dan caj lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta ini hendaklah genap masa dan kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri apabila ditaksir dan hendaklah disifatkan telah ditaksir apabila taksiran itu ditandatangani dan disampaikan kepada orang yang kena membayar bayaran itu.

(2) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pengarah, suatu taksiran mengenai hasil hutan hendaklah dikeluarkan dan disampaikan bersama-sama dengan setiap rekod ukuran.

(3) Pengarah boleh, dalam tempoh enam bulan dari pengeluaran mana-mana taksiran di bawah Akta ini, mengeluarkan suatu taksiran semula yang hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti taksiran asal.

**Hak milik hasil hutan**

73. Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, pemunyaan mana-mana hasil hutan tidak boleh berpindah kepada mana-mana orang melainkan jika—

- (a) segala royalti, premium, ses dan caj lain yang kena dibayar berkenaan dengan lesen dan hasil hutan itu telah dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (b) suatu pas pemindah telah dikeluarkan bagi hasil hutan itu.

**Hasil hutan akan terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri jika royalti dsb., tidak dibayar**

74. Jika royalti, premium, ses atau caj lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai apa-apa hasil hutan tidak dibayar kepada Kerajaan dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pengarah, maka pemunyaan hasil hutan itu hendaklah terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri bebas daripada segala beban.

**Deposit bagi menjamin bayaran**

75. (1) Sebelum sesuatu lesen, lesen kecil atau permit penggunaan dikeluarkan, pemohon hendaklah menandatangani sejumlah wang sebagaimana ditentukan oleh pihak berkuasa yang mengeluarkannya sebagai menjamin pematuhan wajar akan peruntukan lesen, lesen kecil atau permit penggunaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan bagi pembayaran apa-apa atau semua wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pihak berkuasa itu boleh menghendaki deposit itu dalam mana-mana bentuk yang berikut:

- (a) wang tunai;
- (b) jaminan bertulis yang sah daripada suatu bank komersial berlesen;
- (c) gabungan (a) dan (b).

(3) Pengarah boleh, apabila difikirkannya perlu berbuat demikian, menghendaki supaya pemegang lesen atau pemegang permit penggunaan atau lesen kecil, mengikut mana-mana yang berkenaan, menandatangani dengan serta-merta suatu jumlah wang tambahan, atau mengadakan deposit baru bagi menggantikan deposit yang dibuat sebelumnya.

BAHAGIAN VI

KAYU TIDAK DITUNTUT

**Kayu tidak dituntut disifatkan sebagai harta Pihak Berkuasa Negeri**

76. (1) Mana-mana kayu yang dijumpai hanyut, terdampar di

pantai, terkandas, tenggelam atau ditinggalkan atau yang tidak dalam milikan atau di bawah kawalan mana-mana orang, hendaklah disifatkan sebagai harta Pihak Berkuasa Negeri sehingga mana-mana orang membuktikan haknya sebagaimana diperuntukkan selepas ini.

(2) Pengarah atau mana-mana pegawai hutan yang diberi kuasa dengan sempurna olehnya boleh mengambil dan membawa kayu itu kepada tempat yang sesuai sementara menunggu tindakan di bawah seksyen 77.

### **Notis awam bagi kayu yang diambil di bawah seksyen 76**

77. (1) Pengarah atau pegawai hutan yang diberi kuasa olehnya di bawah subseksyen 76(2) hendaklah memberi notis awam bagi kayu yang diambil di bawah seksyen 76, dengan menyiarkan suatu notis menyatakan tentang kayu yang diambil itu di papan notis awam Pejabat Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Tanah Daerah.

(2) Notis itu hendaklah menghendaki mana-mana orang yang menuntut kayu itu membuat tuntutannya kepada Pengarah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu.

### **Tatacara menuntut kayu**

78. Jika tuntutan dibuat menurut seksyen 77, Pengarah boleh, selepas siasatan wajar—

- (a) menolak tuntutan itu dan merekodkan alasannya kerana berbuat demikian; atau
- (b) tertakluk kepada seksyen 80, menghantar serah kayu itu kepada pihak menuntut.

### **Pelupusan kayu tidak dituntut**

79. Jika tiada apa-apa tuntutan dibuat dalam tempoh yang dinyatakan di bawah seksyen 77, atau jika tuntutan itu telah dibuat dan ditolak, pemunyaan kayu itu hendaklah terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri bebas daripada segala bebanan.

**Bayaran yang kena dibuat oleh pihak menuntut sebelum penghantaran kayu**

**80.** (1) Tiada seorang pun berhak mendapatkan semula milikan mana-mana kayu yang diambil di bawah seksyen 76, sehingga semua perbelanjaan yang ditanggung beban dalam mengambil, mengangkut, menstor dan melupuskan kayu itu, sebagaimana ditaksirkan oleh Pengarah, telah dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Jika seseorang tidak membayar perbelanjaan yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian taksiran itu kepadanya, Pengarah boleh mengarahkan supaya kayu itu dijual dan hasil jualan itu hendaklah digunakan untuk membayar perbelanjaan itu, dan apa-apa jumlah wang yang tinggal (jika ada) hendaklah, melainkan dituntut oleh orang yang tersebut di atas dalam masa empat belas hari dari tarikh jualan itu, dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

**BAHAGIAN VII**

**PELBAGAI KESALAHAN DAN PENALTI**

**Perbuatan yang dilarang dalam hutan simpanan kekal**

**81.** (1) Melainkan jika dibenarkan di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh, dalam hutan simpanan kekal—

- (a) melepaskan ternakan atau membenarkan ternakan meragut;
- (b) menebang, memotong, menggeling, menanda, memangkas atau menoreh mana-mana pokok; atau merosakkan dengan api, atau selainnya, atau memindahkan mana-mana pokok atau kayu;
- (c) menyebabkan apa-apa kerosakan semasa menebang mana-mana pokok atau memotong atau mengheret mana-mana kayu;
- (d) mencari, mengambil, mendedahkan kepada apa-apa proses pengilangan atau memindahkan apa-apa hasil hutan atau mineral;

- (e) membersihkan atau membajak mana-mana tanah untuk tanaman atau apa-apa maksud lain;
- (f) menggunakan bahan beracun, atau dinamit atau bahan letupan lain di dalam sungai atau tasik bagi maksud menangkap ikan; atau memburu, menembak, menangkap ikan atau memasang jerat atau menjebak; atau
- (g) menceroboh dengan apa jua cara yang sebelum ini tidak dilarang dalam seksyen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

- (a) jika kesalahan itu di bawah perenggan 1(a), didenda tidak melebihi \*sepuluh ribu ringgit;
  - (b) jika kesalahan itu di bawah perenggan (b) atau (c), didenda tidak melebihi \*\*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*\*lima tahun atau kedua-duanya; dan
  - (c) jika kesalahan itu di bawah perenggan (d), (e), (f) atau (g), didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- (d) *(Dipotong oleh Akta A864).*

(3) Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, sebagai tambahan kepada mana-mana penalti yang dikenakan atas sabitan itu, diarah membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) sepuluh kali ganda nilai mana-mana pokok atau kayu; dan
- (b) kos memperbaiki apa-apa kerosakan yang mengenainya kesalahan itu dilakukan,

dan apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar itu boleh didapatkan kembali seolah-olah ianya suatu denda yang dikenakan sedemikian.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “dua ratus ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “dua ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*\*CATATAN—Sebelum ini “satu tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

### Larangan ke atas pembakaran

**82.** (1) Tiada seorang pun boleh menyalakan, menyimpan atau membawa apa-apa api, atau membiarkan apa-apa api menyala, dalam kawasan hutan simpanan kekal dengan apa-apa cara yang membahayakan hutan simpanan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

### Pembuangan sampah-sarap secara mengganggu

**83.** (1) Tiada seorang pun boleh melakukan pembuangan sampah-sarap secara mengganggu dalam hutan simpanan kekal.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi †sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi ††tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Seseorang melakukan pembuangan sampah-sarap secara mengganggu dalam hutan simpanan kekal jika dia menyebabkan bau busuk yang tidak disenangi atau memburukkan keindahan atau rupa harta atau mengurangkan kebersihan semula jadi atau keselamatan harta dengan sengaja—

- (a) membuang atau melonggok apa-apa kotoran, sampah-sarap, sisa, puing atau sampah lain;
- (b) mengalirkan, atau menyebabkan atau membenarkan dialir, lumpur lombong, efluen industri, kumbahan atau saluran dari penakung najis, tangki najis, tangki hampas kenderaan rekreasi atau perkhemahan atau sumber cecair lain; atau

---

\*CATATAN—Sebelum ini “dua ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “satu tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

†CATATAN—Sebelum ini “satu ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

††CATATAN—Sebelum ini “enam bulan”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

- (c) membenarkan apa-apa kotoran, sampah, sarap, puing atau sampah lain dibuang dari kenderaan yang dikendalikannya atau di bawah kawalannya.

### **Memiliki hasil hutan secara menyalahi undang-undang**

**84.** (1) Mana-mana orang yang didapati memiliki, menjaga atau mengawal apa-apa hasil hutan yang royalti, premium, ses atau caj lain mengenai hasil hutan itu tidak dibayar melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika dalam mana-mana pendakwaan mengenai apa-apa hasil hutan kerana tidak membayar apa-apa royalti, premium, ses atau caj lain, timbul apa-apa pertikaian sama ada royalti, premium, ses atau caj lain itu telah dibayar bagi hasil hutan itu atau sama ada apa-apa hasil hutan dikecualikan daripada apa-apa royalti, premium, ses atau caj lain di bawah Akta ini, maka dalam tiap-tiap hal sedemikian beban bukti mengenainya hendaklah terletak pada defendan dalam pendakwaan itu.

### **Pas pemindah dikehendaki bagi pemindahan hasil hutan di antara Negeri**

**85.** (1) Tiada seorang pun boleh membawa ke dalam Negeri apa-apa hasil hutan dari mana-mana Negeri lain melainkan jika dia memiliki suatu pas pemindah yang sah yang dikeluarkan oleh pegawai diberi kuasa Negeri lain itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi †lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi ††lima tahun atau kedua-duanya.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “dua ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “satu tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

†CATATAN—Sebelum ini “lima ratus ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

††CATATAN—Sebelum ini “tiga bulan”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].



**Penalti kerana melancung, atau mencacat, atau memiliki alat bagi melancung, tanda pada pokok dan kayu dan mengubah tanda sempadan**

**86.** Mana-mana orang yang—

- (a) dengan disedarinya melancung pada mana-mana pokok atau kayu, atau ada dalam milikannya apa-apa alat bagi pelancungan, apa-apa tanda yang digunakan oleh pegawai hutan;
- (b) secara menyalahi undang-undang atau secara fraud melekatkan pada mana-mana pokok atau kayu apa-apa tanda yang digunakan oleh pegawai hutan atau mana-mana tanda harta;
- (c) mengubah, mencacat atau memadam mana-mana tanda yang diletakkan pada mana-mana pokok atau kayu oleh atau di bawah kuasa pegawai hutan; atau
- (d) mengubah, mengalih, memusnah atau mencacat, apa-apa tanda sempadan hutan simpanan kekal atau mana-mana tanah yang dicadang untuk dimasukkan sebagai hutan simpanan kekal,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun.

**Penalti am**

**87.** Sesiapa yang melanggar mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Akta ini yang tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata baginya, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “dua ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “satu tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

## BAHAGIAN VIII

## PENGUATKUASAAN

*Bab 1—Kuasa Menangkap, Menggeledah, Menyita dan Menyiasat***Kuasa menangkap, menyita dan menyiasat**

**88.** (1) Seorang pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan atau seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia mempunyai alasan untuk mempercayai telah melakukan suatu kesalahan hutan, jika orang itu enggan menyatakan nama dan alamatnya atau menyatakan suatu alamat di luar Malaysia atau terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia telah menyatakan nama palsu atau alamat palsu atau dia mungkin akan melarikan diri; dan boleh menyita apa-apa benda yang difikirkannya perlu disita berhubung dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan berlakunya mana-mana kesalahan itu.

(2) Apabila mana-mana orang telah ditangkap di bawah subseksyen (1) dia hendaklah selepas itu dibicarakan sebagaimana diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

(3) Mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan dan mana-mana pegawai yang menjaga balai polis boleh, berhubung dengan apa-apa penyiasatan mengenai apa-apa kesalahan hutan, tanpa perintah Pendakwa Raya, menjalankan kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis yang diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah dalam mana-mana kes boleh tangkap.

**Menyita hasil hutan yang menjadi perkara kesalahan**

**89.** Apa-apa hasil hutan yang mengenainya telah ada, atau ada, alasan munasabah bagi mengesyaki bahawa telah berlaku suatu kesalahan hutan, bersama-sama dengan apa-apa bekas, bungkusan atau pengangkut yang ianya telah dijumpai atau yang telah digunakan berkaitan dengan kesalahan itu, dan apa-apa jentera, alat, buku, dokumen atau benda lain yang dengan munasabahnya dipercayai mempunyai kaitan dengan kes itu, boleh disita oleh mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan atau mana-mana pegawai polis.

### **Mengegedah dengan waran**

**90.** (1) Jika seorang Majistret dapati daripada maklumat bertulis atas sumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa terdapat sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa dalam mana-mana bangunan atau tempat atau di atas mana-mana tanah ada tersembunyi atau diletakkan apa-apa hasil hutan yang mengenainya suatu kesalahan hutan sedang atau telah dilakukan, Majistret itu boleh mengeluarkan waran memberi kuasa kepada mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah atau mana-mana pegawai polis yang dinamakan di dalam waran itu, pada waktu malam atau siang dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki bangunan, tempat atau tanah itu dan di situ mengegedah dan menyita, dan memindahkan, apa-apa hasil hutan yang mengenainya suatu kesalahan hutan telah dilakukan atau disyaki telah dilakukan serta apa-apa jentera, alat, buku, dokumen atau benda lain yang dengan munasabahnya dipercayai dapat memberi keterangan mengenai berlakunya kesalahan itu.

(2) Mana-mana pegawai hutan atau pegawai polis yang bertindak di bawah subseksyen (1) boleh—

- (a) memecah buka mana-mana bahagian luar atau dalam pintu bangunan atau tempat atau mana-mana pagar, tembok, pintu pagar atau galangan lain atas tanah, supaya dapat masuk ke dalamnya;
- (b) memindahkan secara paksa mana-mana galangan terhadap kemasukan, pengegedahan, penyitaan dan pemindahan itu sebagaimana yang diberi kuasa kepadanya di bawah subseksyen (1); dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam bangunan atau tempat atau di atas tanah sehingga bangunan atau tempat itu selesai digeledah.

### **Mengegedah tanpa waran**

**91.** Jika seseorang pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan atau seseorang pegawai polis dapati bahawa terdapat sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa dalam mana-mana bangunan atau tempat atau di atas mana-mana tanah ada tersembunyi atau diletakkan apa-apa hasil

hutan yang mengenainya suatu kesalahan hutan sedang atau telah dilakukan, dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dengan sebab kelambatan mendapat waran di bawah seksyen 90 hasil hutan itu mungkin akan dipindahkan, dia boleh menjalankan di dalam, di atas, dan mengenai bangunan, tempat, atau tanah itu semua kuasa yang tersebut dalam seksyen 90 dengan sepenuh dan seluasnya seolah-olah dia diberi kuasa melakukannya dengan waran di bawah seksyen itu.

### **Kuasa untuk memberhenti dan menggeledah pengangkut**

**92.** (1) Jika mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan atau mana-mana pegawai polis mempunyai syak yang munasabah bahawa mana-mana pengangkut ada membawa hasil hutan dengan melanggar Akta ini atau yang mengenainya suatu kesalahan hutan sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai hutan atau pegawai polis itu—

- (a) memberhentikan pengangkut tersebut dan membenarkan pegawai hutan atau pegawai polis itu memeriksanya; dan
- (b) membuka semua bahagian pengangkut tersebut untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu bagi membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana difikirkan perlu dibuat oleh pegawai hutan atau pegawai polis itu.

(3) Mana-mana orang yang tidak atau enggan mematuhi apa-apa kehendak pegawai hutan atau pegawai polis di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “satu ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “enam bulan”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

*Bab 2—Peruntukan Mengenai Barang yang Disita*

**Kewajipan pegawai yang menyita**

**93.** (1) Apabila apa-apa benda disita di bawah Akta ini, pegawai yang menyita itu hendaklah dengan serta-merta—

- (a) meletakkan pada benda itu atau pada bekas atau bungkusannya yang mengandungi suatu tanda yang menunjukkan bahawa benda itu telah disita; dan
- (b) kecuali jika penyitaan itu dibuat pada diri orang itu atau di hadapan pesalah itu atau pemunya atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberi notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasannya kepada pemunya benda tersebut, jika diketahui, sama ada dengan menghantar apa-apa notis kepadanya sendiri atau melalui pos atau ke tempat kediamannya jika diketahui.

(2) Mana-mana orang (selain pegawai hutan, pegawai polis atau anggota angkatan tentera yang diberi kuasa di bawah Akta ini) yang mengusik, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang ditanda di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Pelucuthakan benda yang disita**

**94.** (1) Apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini boleh dikenakan lucut hak.

(2) Jika apa-apa benda telah disita di bawah Akta ini, seseorang pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pegawai Hutan Daerah boleh, mengikut budi bicaranya, melepaskan untuk sementara benda itu kepada pemunya benda tersebut apabila diberi jaminan yang memuaskan hatinya bahawa benda itu akan diserahkan kepadanya apabila diminta atau dibawa di hadapan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten.

(3) Suatu perintah bagi melucut hak atau bagi melepaskan apa-apa benda yang kena dilucut hak di bawah Akta ini, hendaklah

dibuat oleh Mahkamah di hadapan mana pendakwaan mengenainya telah diadakan dan suatu perintah bagi melucuthakkan benda itu hendaklah dibuat jika dibuktikan dengan memuaskan hati Mahkamah bahawa suatu kesalahan hutan telah dilakukan dan bahawa benda itu adalah hal perkara, atau digunakan dalam melakukan, kesalahan itu walaupun tiada seorang pun boleh disabitkan atas kesalahan itu.

(4) Jika tiada apa-apa pendakwaan mengenai apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini, benda itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan itu melainkan jika sebelum tarikh itu suatu tuntutan dibuat ke atasnya mengikut cara yang berikut:

- (a) mana-mana orang yang mendakwa bahawa dia adalah pemunya benda itu dan bahawa ianya tidak patut dikenakan lucut hak boleh secara bersendirian atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberi notis bertulis kepada pegawai hutan atau pegawai polis yang dalam miliknya benda itu berada menyatakan bahawa dia menuntut benda itu;
- (b) apabila notis itu diterima pegawai hutan atau pegawai polis itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Pengarah yang boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan atau boleh mengarahkan pegawai itu merujuk perkara itu kepada Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen untuk diputuskan;
- (c) Majistret atau Hakim yang kepadanya perkara itu dirujukkan hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang mendakwa bahawa dia adalah pemunya benda itu serta orang yang daripadanya benda itu disita supaya hadir di hadapannya dan apabila orang itu hadir atau ingkar hadir, Majistret atau Hakim hendaklah meneruskan pemeriksaan ke atas perkara itu dan, apabila terbukti bahawa suatu kesalahan hutan telah dilakukan dan bahawa benda itu adalah hal perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilucut hak atau jika tidak ada bukti boleh memerintahkan supaya ianya dilepaskan.

(5) Semua benda yang dilucut hak atau disifatkan dilucut hak hendaklah dihantar kepada Pegawai Hutan Daerah dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pengarah.

(6) Jika apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini adalah jenis mudah rosak atau adalah tertakluk kepada reput yang cepat dan semula jadi atau jika penjagaan benda itu melibatkan perbelanjaan dan kesulitan yang tidak munasabah, atau dipercayai menyebabkan galangan atau bencana kepada orang awam, Pengarah boleh mengarahkan supaya benda itu dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang bagi mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

(7) Pihak Berkuasa Negeri tidak bertanggung kepada mana-mana orang bagi apa-apa pemerosotan nilai, tidak kira walau bagaimana sekalipun ia terjadi, mengenai kualiti apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini.

### **Tiada kos, ganti rugi, dsb., atas penyitaan**

**95.** Tiada seorang pun boleh dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah mengenai penyitaan apa-apa benda yang disita dalam menjalankan atau berupa sebagai menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Akta ini berhak mendapat kos prosiding itu atau bagi apa-apa kerosakan atau relief lain selain perintah bagi memulangkan benda itu atau membayar nilainya melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau mungkin.

### *Bab 3—Pelbagai*

### **Pegawai hutan boleh memasuki dan memeriksa loji penukaran, dsb.**

**96.** (1) Bagi maksud Akta ini, seseorang pegawai hutan boleh masuk dan memeriksa mana-mana bahagian loji penukaran atau yang bersangkutan dengannya atau sesuatu premis di atas mana atau di dalam mana hasil hutan distor atau disimpan dan boleh menghendaki seseorang yang menjaga atau mengawal loji atau premis itu memberi bantuan kepadanya sebagaimana yang diperlukannya bagi maksud pemeriksaan itu.

(2) Mana-mana orang yang menggendalakan atau menggalang mana-mana pegawai hutan yang menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) atau yang enggan memberi bantuan sedemikian sebagaimana yang diperlukan oleh pegawai itu, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

### **Pengarah boleh melarang pengambilan hasil hutan atas sebab tertentu**

**97.** (1) Pengarah boleh, atas sebab silvikultur atau sebab lain yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, tanpa menjejaskan hak yang ada, melarang atau menyekat mana-mana orang atau kumpulan orang tertentu daripada mengambil hasil hutan dari sesuatu kawasan tertentu bagi sesuatu masa yang difikirkannya perlu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sesuatu larangan atau sekatan yang dikenakan oleh Pengarah di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi †lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi ††lima tahun atau kedua-duanya.

### **Pengarah boleh menutup saluran air atau jalan hutan**

**98.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, Pengarah boleh melarang penggunaan sesuatu saluran air di hutan simpanan kekal atau sesuatu jalan hutan.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sesuatu larangan yang dikenakan oleh Pengarah di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “dua ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “satu tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

†CATATAN—Sebelum ini “dua ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

††CATATAN—Sebelum ini “satu tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].



(3) Dalam seksyen ini, “saluran air” ertinya sesuatu akses melalui sungai.

### **Kad kuasa**

**99.** (1) Tiap-tiap pegawai hutan apabila bertindak di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan mengeluarkan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak atau daripadanya dia mencari apa-apa maklumat suatu kad kuasa sebagaimana diarahkan oleh Pengarah supaya dibawa oleh pegawai itu.

(2) Adalah tidak menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi sesuatu permintaan, kehendak atau perintah yang dibuat oleh mana-mana orang pegawai hutan yang bertindak atau berupa bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu enggan menyatakan jawatannya dan mengeluarkan kad kuasanya apabila diminta oleh orang yang sedemikian.

### **Memberi maklumat kepada pegawai hutan**

**100.** Seorang pegawai hutan boleh menghendaki mana-mana orang yang memiliki, menjaga atau mengawal atau terlibat dalam mengambil, memindah, menukar atau meniaga apa-apa hasil hutan atau yang menjaga atau mengawal loji penukaran memberi kepadanya maklumat atau dokumen yang pada pendapatnya adalah perlu bagi menjalankan kuasa atau pelaksanaan tugasnya di bawah, atau penguatkuasaan peruntukan, Akta ini, dan mana-mana orang yang dikehendaki berbuat demikian yang, tanpa sebab yang munasabah, tidak atau enggan menyerahkan maklumat atau dokumen yang dikehendaki kepada pegawai itu atau yang, apabila menyerahkan maklumat yang dikehendaki, dengan disedarinya atau dengan cuai membuat sesuatu kenyataan yang palsu mengenai mana-mana butir material atau yang, dengan niat untuk menipu, menyerahkan suatu dokumen palsu mengenai sesuatu butir material, melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

---

\*CATATAN—Sebelum ini “dua ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “satu tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

## **Hadiah**

**100A.** Pengarah boleh memerintahkan supaya apa-apa hadiah sebagaimana yang disifatkannya patut dibayar kepada mana-mana pegawai hutan atau orang lain bagi perkhidmatan yang diberikan berhubungan dengan apa-apa kesalahan atau penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini.

## **Perlindungan pemberi maklumat**

**100B.** (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah berkewajipan atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa dirinya diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau surat yang di bawah keterangan atau yang boleh diperiksa, dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah, mengandungi apa-apa catatan yang menamakan atau memperihalkan pemberi maklumat atau yang mungkin membawa kepada dirinya diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua petikan tersebut disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan setakat mana ia perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan mana-mana kesalahan terhadap Akta ini mahkamah selepas siasatan penuh atas kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam pengaduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak mempercayai sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah adalah berpendapat bahawa keadilan tidak boleh dijalankan sepenuhnya antara pihak-pihak terhadap prosiding itu tanpa identiti pemberi maklumat diketahui, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki supaya aduan asal jika bertulis dikemukakan, dan membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan sepenuhnya mengenai pemberi maklumat itu.

## **Pengkompaunan kesalahan**

**101.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pengarah boleh mengkompaunkan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini kecuali

apa-apa kesalahan di bawah seksyen 86 atau 107 dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengarah suatu amaun yang tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaunkan di bawah subseksyen (1) hendaklah berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan bagi kali pertama sahaja.

(3) Jika kesalahan yang dilakukan melibatkan pengambilan hasil hutan di bawah seksyen 15 atau 40, Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, sebagai tambahan kepada amaun yang kena dibayar di bawah subseksyen (1), menghendaki orang itu membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda royalti, premium dan ses hasil hutan itu;
- (b) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai hasil hutan itu;
- (c) kos membaiki apa-apa kerosakan berkenaan dengan kesalahan yang telah dilakukan; dan
- (d) apa-apa caj lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Pada mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (1), apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini hendaklah dilucuthakkan dan dilupuskan mengikut arahan Pengarah.

(5) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(6) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), maka tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu dibuat.

**Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembatalan dan hilang kelayakan**

**101A.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan, memerintahkan apa-apa lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang berkaitan dengannya kesalahan itu telah dilakukan dibatalkan.

(2) Jika mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen 15, 40 atau 86, mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan, memerintahkan apa-apa lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang berkaitan dengannya kesalahan itu telah dilakukan dibatalkan.

(3) Jika mana-mana orang yang kepadanya suatu lesen atau permit telah dikeluarkan di bawah Akta ini disabitkan atas kesalahan kedua atau yang berikutan di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan, memerintahkan apa-apa lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang berkaitan dengannya kesalahan itu telah dilakukan dibatalkan.

(4) Jika apa-apa lesen atau permit telah dibatalkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah memerintahkan orang yang kepadanya suatu lesen atau permit telah dikeluarkan hilang kelayakan untuk memegang apa-apa lesen atau permit selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

(5) Mana-mana orang yang memperoleh atau cuba memperoleh apa-apa lesen atau permit di bawah Akta ini semasa dia hilang kelayakan melakukan suatu kesalahan.

**BAHAGIAN IX****PELBAGAI****Penyampaian notis**

**102.** (1) Dalam seksyen ini, “notis” termasuklah sesuatu pemberitahuan, taksiran, surat cara atau dokumen lain yang

dibenarkan atau dikehendaki oleh Akta ini supaya disampaikan kepada mana-mana orang atau badan.

(2) Suatu notis boleh disampaikan kepada seseorang atau badan bagi maksud Akta ini—

(a) dengan menghantar notis kepada orang itu;

(b) dengan menghantar notis itu—

(i) ke tempat tinggal atau tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui orang itu, kepada pekhidmatnya atau kepada ahli keluarganya yang dewasa; atau

(ii) ke pejabat berdaftar badan itu atau ke tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui badan itu, kepada pekhidmat atau ejennya;

(c) dengan meninggalkan notis itu di dalam suatu sampul dialamatkan kepada orang itu atau badan—

(i) di tempat tinggal atau tempat perniagaan biasa atau yang terakhir diketahui orang itu; atau

(ii) di pejabat berdaftar badan itu atau di tempat perniagaan biasa atau yang terakhir diketahui badan itu; atau

(d) dengan menghantar notis itu secara pos berdaftar dibayar dahulu kepada orang atau badan ke alamat penyampaian yang diberikan menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau, jika tiada alamat sedemikian diberikan—

(i) ke tempat tinggal atau tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui orang itu; atau

(ii) ke pejabat berdaftar badan itu atau ke tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui badan itu.

(3) Suatu notis yang disampaikan melalui pos berdaftar dibayar dahulu di bawah perenggan (1)(d) hendaklah disifatkan telah disampaikan pada masa surat yang mengandungi notis itu dihantar dalam perjalanan pos biasa; dan adalah menjadi bukti penyampaian yang cukup bahawa surat itu dialamatkan dengan betul mengikut perenggan itu dan telah diposkan:

Dengan syarat bahawa, jika surat itu dipulangkan melalui pos tidak dihantar, notis itu hendaklah disifatkan telah tidak disampaikan.

### **Tindakan oleh dan terhadap Pihak Berkuasa Negeri**

**103.** (1) Pengarah boleh mendakwa sesuatu kesalahan, atau membawa sesuatu tindakan, guaman atau prosiding lain berhubungan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini.

(2) Dalam sesuatu pendakwaan, tindakan, guaman atau prosiding lain yang seksyen ini terpakai baginya, Pengarah boleh hadir sendiri, atau boleh diwakili oleh mana-mana Peguam Persekutuan, Penasihat Undang-Undang Negeri, peguam bela dan peguam cara atau pegawai hutan.

### **Anggapan**

**104.** (1) Dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, setakat mana ia mungkin perlu untuk membuktikan kesalahan yang dipertuduhkan, maka hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya—

- (a) bahawa apa-apa hasil hutan adalah harta Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) bahawa apa-apa peta, pelan atau carta yang dikatakan berupa sebagai peta, pelan atau carta yang telah dibuat menurut kuasa Pengarah telah dibuat sedemikian dan adalah tepat;
- (c) bahawa apa-apa tanda yang diletakkan pada mana-mana pokok, kayu atau tanda sempadan suatu kawasan di bawah suatu lesen atau permit dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan yang diletakkan oleh atau menurut kuasa pegawai hutan telah diletakkan sedemikian dan adalah tepat;
- (d) bahawa mana-mana orang yang didapati berada di dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan yang ada dalam milikannya apa-apa hasil hutan telah mengambil atau mengalih hasil hutan itu tanpa suatu lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini; dan

- (e) bahawa mana-mana orang yang didapati berada di dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan yang memiliki apa-apa jentera, peralatan atau pengangkut sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keenam bertujuan mengambil atau memindahkan apa-apa hasil hutan.

**Perakuan Pengarah mengenai nilai hasil hutan, dsb.**

**105.** (1) Dalam sesuatu prosiding di bawah Akta ini suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pengarah menyatakan—

- (a) nilai sesuatu hasil hutan;
- (b) amaun royalti, premium, ses dan caj lain yang kena dibayar berkenaan dengan mana-mana hasil hutan;
- (c) jumlah yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 24(2);
- (d) kos membaiki sesuatu kerosakan yang disebabkan oleh pesalah,

boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi keterangan mengenai isi kandungannya, termasuk fakta yang ternyata di dalamnya, tanpa bukti mengenai tandatangan atas perakuan sedemikian.

(2) Peruntukan seksyen ini hendaklah terpakai walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain atau kaedah keterangan yang berlawanan.

**Perlindungan pegawai hutan, pegawai polis, anggota angkatan tentera dan orang lain**

**106.** Tiada apa-apa tindakan atau dakwaan boleh dibuat, dibawa atau disenggarakan di dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana pegawai hutan, pegawai polis atau anggota angkatan tentera sama ada secara persendirian atau atas kedudukan rasminya kerana atau oleh sebab atau berkenaan dengan sesuatu tindakan yang diperintahkan atau dilakukan olehnya atau berupa sebagai telah diperintahkan atau dilakukan olehnya bagi maksud menguatkuasakan Akta ini, dan tiada apa-apa guaman atau dakwaan boleh dibuat di mana-mana mahkamah terhadap mana-mana orang lain kerana atau oleh sebab atau berkenaan dengan sesuatu tindakan yang

dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan mana-mana pegawai hutan, pegawai polis atau anggota angkatan tentera yang diberi bagi apa-apa maksud seperti tersebut di atas:

Dengan syarat bahawa tindakan pegawai atau orang itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan yang munasabah bahawa ianya adalah perlu bagi maksud yang dicadang untuk dijalankan.

### **Penyalahgunaan kuasa**

**107.** Sesiapa, dalam berupa sebagai menjalankan kuasa di bawah Akta ini, dengan menyusahkan dan dengan tidak perlu menyita atau menahan sesuatu hasil hutan, pengangkut, buku, dokumen atau barang lain melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi \*\*lima tahun atau kedua-duanya.

### **Mendapatkan wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri**

**108.** Semua wang, selain denda dan wang yang boleh diterima sebagai denda, yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta ini boleh didapatkan kembali oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui prosiding sivil sebagai hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

### **Kesalahan yang dilakukan oleh perbadanan**

**109.** Jika orang yang dipertuduh melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini adalah suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap orang, yang pada masa berlakunya kesalahan sedemikian, adalah seorang pengarah atau pegawai pertubuhan perbadanan itu boleh dipertuduh bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu, dan jika pertubuhan perbadanan itu

---

\*CATATAN—Sebelum ini “dua ribu ringgit”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].

\*\*CATATAN—Sebelum ini “satu tahun”—lihat Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 [Akta A864].



disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduh, tiap-tiap pengarah atau pegawai sedemikian hendaklah disifatkan melakukan kesalahan itu.

**Kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, pekhidmat atau ejen**

**110.** Mana-mana orang yang sepatutnya bertanggung terhadap sesuatu penalti kerana sesuatu yang dilakukan atau dijalankan jika perkara itu telah dilakukan atau dijalankan olehnya sendiri, adalah bertanggung kepada penalti yang sama jika perkara itu dilakukan atau dijalankan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya.

**Kesalahan yang dilakukan oleh pemegang lesen atau pemegang permit**

**110A.** Jika apa-apa kesalahan hutan dilakukan oleh mana-mana orang berhubungan dengan apa-apa lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini, pemegang lesen atau pemegang permit itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu.

**Kaedah-kaedah**

**111.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi menjalankan tujuan dan maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah sedemikian boleh—

- (a) menentukan dan memutuskan banyaknya dan takat bahagian, unit atau seksyen pentadbiran dan pengurusan hutan;
- (b) mengawal selia atau melarang penyalaan api di atas tanah Kerajaan dan tanah beri milik yang bersempadan terus dengan mana-mana hutan simpanan kekal dan menetapkan pengawasan dan tindakan yang perlu diambil untuk mencegah merebaknya kebakaran;
- (c) mengawal selia atau melarang penebangan, pemotongan, penggelangan, penandaan, penutuhan, penorehan atau pembencanaan dengan api atau selainnya, sesuatu pokok atau kayu, pemindahan kayu, dan pengutipan dan pemindahan hasil hutan lain amnya;

- (d) mengawal selia pemberian percuma atau pemberian dengan kadar yang kurang mengenai hasil hutan;
- (e) mengawal selia cara yang patut digunakan oleh pemegang lesen dalam mengambil hasil hutan di atas dan dari kawasan lesen dan semua aktiviti yang berkaitan dengannya termasuk pengawasan yang patut diambil bagi mencegah dan merebaknya kebakaran;
- (f) melarang apa jua urusan niaga berkenaan jenis hasil hutan tertentu;
- (g) menetapkan tempat, jalan, gaya dan cara bagaimana hasil hutan boleh dibawa masuk, dibawa keluar atau dipindahkan di dalam Negeri itu;
- (h) melarang pengambilan atau pemindahan hasil hutan tanpa suatu pas pemindah dan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran, pengemukaan dan pemulangan pas sedemikian;
- (i) dalam hal kayu yang dijadikan rakit atau diikatkan di tepi pantai atau tebing sungai, melarang pelanggaran atau penghanyutan kayu sedemikian oleh mana-mana orang yang bukan pemunya atau yang tidak bertindak bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri;
- (j) mengadakan peruntukan bagi penahanan, laporan, pemeriksaan dan penandaan hasil hutan yang dalam perjalanan;
- (k) menubuhkan balai pemeriksaan kepada mana hasil hutan hendaklah dibawa oleh orang yang menjaganya bagi pemeriksaan atau bagi pembayaran wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengannya atau supaya suatu tanda diletakkan kepadanya bagi maksud Akta ini, dan menetapkan syarat di bawah mana hasil hutan patut dibawa, ditahan dan dipindahkan dari balai pemeriksaan itu;
- (l) mengadakan peruntukan mengenai pengurusan dan pengawalan balai pemeriksaan sedemikian;
- (m) menetapkan cara mengukur hasil hutan bagi maksud mentaksir royalti, premium, ses atau caj lain yang kena dibayar di bawah Akta ini;

- (n) mengawal selia pemilikan tukul penanda atau alat lain yang digunakan bagi menanda kayu;
- (o) mengawal selia penggunaan tanda harta dan menetapkan tatacara dan fi yang kena dibayar bagi pendaftaran tanda sedemikian;
- (p) secara am menetapkan fi dan bayaran lain yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara bagi memungut dan mengganti bayar fi sedemikian;
- (q) menetapkan borang yang hendak digunakan bagi maksud Akta ini;
- (r) mengawal selia cara dan standard pembinaan jalan hutan serta penggunaan dan kawalannya;
- (s) menetapkan kaedah-kaedah dan cara mengenai pelbagai guna hutan itu;
- (t) mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berhubungan dengan pengeluaran lesen, lesen kecil, permit penggunaan, lesen pemindah, permit jalan dan permit masuk;
- (u) menetapkan fi yang kena dibayar bagi lesen, lesen kecil, permit penggunaan, lesen pemindah, permit jalan dan permit masuk;
- (v) menetapkan penalti dengan mana pelanggaran mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dihukum dengan syarat penalti itu tidak melebihi penalti yang ditetapkan oleh seksyen 87;
- (w) setakat yang ia tidak termasuk dalam perenggan yang tersebut dahulu, mengadakan peruntukan mengenai segala tatacara dan perkara lain yang diperlukan atau dibenarkan untuk ditetapkan oleh Akta ini atau yang perlu atau bermanfaat untuk ditetapkan bagi menjalankan atau melaksanakan peruntukan Akta ini.

(3) Sesuatu kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa sesuatu kaedah atau kaedah-kaedah tertentu tidak terpakai bagi hasil hutan dari sesuatu kelas tertentu atau bagi sesuatu bahagian tertentu Negeri itu.

## BAHAGIAN X

## PEMANSUHAN, PERUNTUKAN PERALIHAN, DSB.

**Pemansuhan undang-undang sedia ada**

**112.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa dalam suatu Negeri, Enakmen Perhutanan sedia ada yang terpakai bagi Negeri itu sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keempat adalah dimansuhkan.

**Kecualian**

**113.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh kuat kuasa yang lalu, atau apa-apa jua yang dilakukan di bawah, mana-mana undang-undang perhutanan terdahulu, atau setakat yang ia berkaitan dengan perhutanan, peruntukan mana-mana undang-undang lain yang diluluskan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini:

Dengan syarat bahawa—

- (a) apa-apa hak, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang ada semasa permulaan kuat kuasa Akta ini menurut mana-mana undang-undang yang sedemikian hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta ini;
- (b) apa-apa keistimewaan yang didapati atau hak yang diterima di dalam sesuatu pemberitahuan *Warta* yang mewujudkan hutan simpanan di bawah mana-mana undang-undang perhutanan terdahulu yang ada semasa permulaan kuat kuasa Akta ini, melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, hendaklah terhenti selepas tempoh satu tahun dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

**Ubah suaian bagi Wilayah Persekutuan**

**114.** (1) Dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Akta ini hendaklah tertakluk kepada ubah suaian yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa melalui perintah, meminda Jadual Kelima.

**Peruntukan peralihan berkenaan dengan pegawai**

**115.** Mana-mana orang yang, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa, Akta ini memegang sesuatu jawatan yang pelantikannya boleh dibuat di bawah seksyen 3 hendaklah meneruskan jawatannya, dan bagi maksud Akta ini disifatkan telah dilantik sedemikian.

**Kuasa Pihak Berkuasa Negeri membuat peruntukan peralihan tambahan, dsb.**

**116.** Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui kaedah-kaedah membuat apa-apa peruntukan sebagaimana difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud menyingkirkan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh berkuat kuasanya Akta ini, sesuatu kaedah sedemikian boleh dibuat supaya dapat berkuat kuasa mulai dari permulaan kuat kuasa Akta ini.

**Peruntukan peralihan berkenaan dengan kaedah-kaedah, perintah, dsb.**

**117.** Apa-apa kaedah, perintah, peraturan, arahan, notis atau pemberitahuan yang dibuat, diberikan atau dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini di bawah mana-mana undang-undang perhutanan terdahulu hendaklah, jika ianya telah dibuat, diberi atau dikeluarkan di bawah mana-mana peruntukan yang bersamaan dengan Akta ini, terus berkuat kuasa, dan mempunyai kesan yang sama, seolah-olah ianya telah dibuat, diberi atau dikeluarkan sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

---

## JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(1)]

## AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

## BORANG 1

[Subseksyen 21(3)]

LESEN No.....

## LESEN MENGAMBIL HASIL HUTAN

..... (kemudian daripada ini disebut “pemegang lesen”) adalah dibenarkan, sama ada dengan sendirinya atau melalui pekhidmat atau ejennya, mengambil atau memindahkan dalam dan dari kawasan atau kawasan-kawasan yang ditentukan dalam Jadual A lesen ini (kemudian daripada ini disebut “kawasan lesen”), atau dalam bahagian atau bahagian-bahagian kawasan lesen itu sebagaimana dinyatakan dari semasa ke semasa dalam Jadual A tersebut, hasil hutan yang diperihalkan dalam Jadual B lesen ini bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang dinyatakan dalam Jadual C lesen ini, tertakluk kepada syarat yang terdapat kemudian daripada ini (yang boleh diubah suai dari semasa ke semasa oleh Pengarah Perhutanan Negeri) dan kepada peruntukan Akta ini dan apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya, kecuali setakat yang kaedah itu berlawanan dengan peruntukan lesen ini.

1. Pemegang lesen hendaklah melantik seorang ketua yang boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia untuk menjaga semua kerja yang dijalankan di bawah lesen ini dan nama serta nombor kad pengenalan tiap-tiap ketua yang dilantik demikian hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pegawai Hutan Daerah oleh pemegang lesen.
2. Ketua itu hendaklah sentiasa menyelia semua kerja yang dijalankan dalam kawasan lesen dan hendaklah, apabila diberi notis yang munasabah, mengiringi mana-mana Pegawai Hutan yang memeriksa kerja yang dijalankan di bawah lesen ini. Arahan yang diberikan kepada seorang ketua oleh Pegawai Hutan Daerah atau wakilnya yang diberi kuasa hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan kepada pemegang lesen, dan pemegang lesen hendaklah terikat kepada arahan itu.
3. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Hutan Daerah suatu senarai yang mengandungi nama dan nombor kad pengenalan setiap orang yang bekerja di dalam kawasan lesen.
4. Pemegang lesen hendaklah membayar deposit sebanyak..... ringgit kepada Pengarah; dan Pengarah boleh mengeluarkan daripada deposit itu dan mengkreditkan kepada hasil hutan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar menurut Akta atau di bawah terma lesen ini dan boleh melarang penebangan atau pemindahan hasil hutan dalam atau dari kawasan lesen itu sehingga jumlah wang yang sama banyaknya telah didepositkan semula. Pengarah boleh, apabila difikirkannya perlu berbuat demikian, menghendaki

pemegang lesen mendepositkan dengan segera apa-apa jumlah wang tambahan, atau mengadakan suatu deposit baru untuk menggantikan deposit yang dibuat sebelumnya.

5. Pemegang lesen hendaklah membayar royalti bagi semua hasil hutan yang diambil atau dipindahkan dari kawasan lesen mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual D lesen ini. Bayaran royalti bagi hasil hutan yang dikeluarkan dalam mana-mana bulan kalendar hendaklah, melainkan jika dinyatakan selainnya secara bertulis oleh Pengarah, dibayar tidak lewat dari ..... hari bulan dalam bulan hadapannya; dengan syarat bahawa jika pada bila-bila masa jumlah wang yang kena dibayar oleh pemegang lesen itu sama ada sebagai royalti, pampasan atau atas apa-apa sebab lain, adalah sama banyaknya dengan, atau lebih daripada setengah amaun depositnya yang dibayar di bawah Fasal 4, Pengarah boleh meminta pemegang lesen membayar dengan segera jumlah wang yang kena dibayar itu dan boleh melarang pengambilan atau pemindahan hasil hutan selanjutnya sehingga jumlah wang tersebut telah dibayar.

6. Pemegang lesen hendaklah membuat bayaran atau bayaran-bayaran sekaligus selain royalti yang ditetapkan dalam Jadual D. Jika sekiranya pemegang lesen tidak membuat pembayaran sedemikian pada tarikh matang sebagaimana ditetapkan dalam Jadual tersebut, Pengarah boleh melarang pengambilan atau pemindahan hasil hutan selanjutnya sehingga jumlah wang yang kena dibayar itu telah dijelaskan.

7. Melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pengarah, pemegang lesen hendaklah menebang semua pokok yang ditanda untuk ditebang di bawah lesen ini, dan semua pokok itu hendaklah ditebang di antara tanda-kang di sebelah atas dengan tanda-kang di sebelah bawah dan dengan apa-apa cara supaya tanda-kang di sebelah bawah itu dan tanda yang tercap di atasnya masih ada pada tunggulnya, dan semua pokok yang pemegang lesen itu dikehendaki atau berhak menebang di bawah lesen ini hendaklah ditebang dengan cermat dengan apa-apa cara yang boleh mengurangkan kerosakan pada pokok lain dan tumbuhan muda.

8. Pemegang lesen hendaklah menukar bentuk segala pokok yang ditebang di bawah lesen ini sebaik selepas ianya ditebang dengan tiada apa-apa pembaziran yang dapat dielakkan dan hendaklah memindahkan bahan yang ditukar bentuk itu daripada kawasan lesen tanpa kelengahan yang tidak perlu. Pegawai Hutan Daerah atau wakilnya yang diberi kuasa boleh melarang penebangan selanjutnya sehingga pada pendapatnya pokok yang ditebang itu telah ditukar bentuk dengan sepatutnya dan pemegang lesen telah membuat perkiraan yang memadai untuk memindahkan bahan yang ditukar bentuk itu.

9. Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Hutan Daerah berhubung dengan tempat dan cara penyusunan atau penstoran apa-apa hasil hutan yang diambil atau dipindahkan di bawah lesen ini dan Pegawai Hutan Daerah itu atau wakilnya yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa melarang penebangan selanjutnya sehingga arahan itu dipatuhi.

10. Pegawai Hutan Daerah boleh mengarahkan supaya hasil hutan yang dipindahkan daripada kawasan lesen dibawa untuk diperiksa dan diukur di

mana-mana tempat yang dinyatakannya dari semasa ke semasa, dan Pegawai Hutan Daerah itu atau wakilnya yang diberi kuasa boleh enggan memberi pas pemindahan bagi hasil yang dibawa ke mana-mana tempat lain untuk diperiksa dan diukur.

11. Pengarah boleh mengarahkan supaya semua kayu balak, atau apa-apa peratusan daripada kayu balak itu, yang ditebang di bawah lesen ini dibawa untuk ditukar bentuk di loji penukaran pemegang lesen atau ke mana-mana loji penukaran lain.

12. Melainkan jika dibenarkan selainnya dari semasa ke semasa oleh Pegawai Hutan Daerah, pemegang lesen hendaklah mengekalkan pengeluaran bulanan minimum/maksimum yang ditetapkan dalam subkepala 3 Jadual B.

13. Pemegang lesen hendaklah membersihkan sempadan kawasan lesen dengan memuaskan Pegawai Hutan Daerah dan hendaklah sentiasa menjaga kebersihannya supaya bebas daripada galangan dan hendaklah dengan segera membuang apa-apa galangan akibat daripada atau disebabkan oleh kerja yang dijalankan di bawah lesen ini, pada sempadan, atau pada mana-mana jalan atau jalan kecil yang dibina atau disenggara oleh Jabatan Perhutanan, atau pada mana-mana saluran air di dalam atau bersempadan dengan kawasan lesen.

14. Melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pegawai Hutan Daerah, pemegang lesen tidak boleh menggunakan mana-mana jalan atau jalan kecil yang dibina atau disenggara oleh Jabatan Perhutanan untuk mengangkut hasil hutan dan, jika kebenaran sedemikian diberi, hendaklah menyenggara jalan atau jalan kecil itu serta parit dan bahu jalan tersebut dengan memuaskan Pegawai Hutan Daerah.

15. (a) Kecuali sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini, pemegang lesen tidak boleh membina apa-apa jalan pengeluaran atau landasan trem baru, atau mengalih mana-mana landasan trem atau sebahagian daripada landasan trem yang telah dibina, tanpa kebenaran bertulis daripada Pegawai Hutan Daerah.

(b) Bagi mengurangkan bahaya hakisan, saliran bagi semua sesalur pengeluaran yang dibina oleh pemegang lesen hendaklah dijalankan dan disenggara mengikut arahan Pegawai Hutan Daerah, yang boleh pada bila-bila masa menutup mana-mana sesalur pengeluaran sehingga kerja yang perlu telah dijalankan.

16. Pemegang lesen tidak boleh membersihkan mana-mana tanah bagi apa jua maksud, atau membina apa-apa bangunan, tanpa kebenaran bertulis daripada Pegawai Hutan Daerah.

17. Pengarah boleh melucutkan deposit hingga sebanyak satu ribu ringgit bagi setiap pelanggaran terhadap Fasal 13, 14, 15 atau 16.

18. Jika lesen ini digantung atau dibatalkan oleh Pengarah mengikut peruntukan Akta, pemegang lesen tidak berhak menuntut supaya dipulangkan apa-apa wang yang dibayar kepada atau didepositkan dengan Pihak Berkuasa Negeri, atau berhak kepada apa-apa ganti rugi oleh sebab penggantungan atau pembatalan



itu, atau kepada apa-apa hasil hutan yang masih ada dalam kawasan lesen dan keempunyaan hasil hutan yang masih ada itu hendaklah terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri bebas daripada segala bebanan. Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu boleh melarang pengambilan atau pemindahan hasil hutan sehingga pemegang lesen telah mematuhi syarat lesen ini dan larangan ini adalah sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain, yang diperuntukkan dalam lesen ini atau dalam Akta atau apa-apa kaedah lain yang dibuat di bawahnya.

**SYARAT TAMBAHAN**

Lesen No.....P.H.N. No.....  
P.H.D. No.....

Nama pemegang lesen.....

**JADUAL A**

**PENENTUAN KAWASAN PENEBAANGAN**

\* Tanah Kerajaan.....

\* Hutan Simpanan Kekal.....

\*Kompatmen/Subkompatmen sebagaimana ditunjukkan dalam pelan di halaman sebelah. Penebangan hendaklah dihadkan kepada bahagian (jika ada) yang dibenarkan di bawah ini atau kepada apa-apa bahagian yang diberitahu kepada pemegang lesen, dari semasa ke semasa, oleh Pegawai Hutan Daerah.

Bahagian	Tarikh daripada bila penebangan diluluskan	Tandatangan ringkas Pengarah	Bahagian	Tarikh daripada bila penebangan diluluskan	Tandatangan ringkas Pengarah
A	.....	.....	C	.....	.....
B	.....	.....	D	.....	.....

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

**JADUAL B**

**PERIHAL HASIL HUTAN**

Subkepala 1 ... Semua pokok yang ditanda tukul oleh atau dengan kuasa Pegawai Hutan Daerah dengan mana-mana tanda berikut:

P.H.D..... P.H.D..... P.H.D.....

- Subkepala 2 ... Semua pokok atau kayu jaras daripada jenis yang tidak termasuk dalam Jadual F lesen ini (halaman sebelah) yang lilitannya kurang daripada.....meter diukur pada paras tinggi 1.3 meter daripada tanah di sebelah kayu itu yang tanahnya tinggi sekali.
- Subkepala 3 ... Pengeluaran \*minimum/maksimum bulanan sebanyak.....

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

#### JADUAL C

#### TEMPOH SAH LESEN

Dari	Hingga	Tandatangan ringkas Pengarah
.....	.....	.....
.....	.....	.....
.....	.....	.....
.....	.....	.....

#### JADUAL D

#### BAYARAN YANG KENA DIBAYAR DI BAWAH FASAL 4 DAN 5

- Subkepala 1 ... Royalti sebanyak.....peratus daripada kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh senarai kadar royalti bagi hasil yang serupa dari tanah Kerajaan bagi setiap kelas hasil.
- Subkepala 2 ... RM..... (.....ringgit) bagi seluruh tempoh lesen, dibayar secara ansuran pada tarikh berikut: .....
- Subkepala 3 ... RM..... (.....ringgit) tiap-tiap bulan dalam tempoh lesen ini, yang kena dibayar pada.....hari bulan setiap bulan mulai dari .....
- Subkepala 4 ... RM..... (.....ringgit) bagi setiap kayu yang ditanda, yang kena dibayar apabila dituntut.
- Subkepala 5 ... RM..... (.....ringgit) sebagai deposit.

JADUAL E

TEMPAT DI MANA HASIL HUTAN DIKEHENDAKI DIBAWA  
UNTUK DIUKUR DAN DIPERIKSA

Semua hasil hutan yang dipindahkan daripada kawasan lesen hendaklah dibawa  
untuk diperiksa dan diukur di.....

JADUAL F

JENIS YANG **TIDAK BOLEH** DITEBANG DI BAWAH  
JADUAL B, SUBKEPALA 2

Balau	Kapur	Bintangor	Meranti (semua jenis)
Balau Merah	Kasai	Durian	Merawan
Bitis	Kelat	Geronggang	Mersawa
Cengal	Keledang	Jelutong	Nyatoh
Dedaru	Kempas	Kedondong	Penarahan
Giam	Keruing	Kungkur	Pulai
KerANJI	Kulim	Macang	Ramin
Merbau	Perupok	Medang	Sepetir
Resak	Punah	Melawis	Sesendok
Tembusu	Rengas	Melunak	Terap
	Simpoh	Mempisang	Terentang
	Tualang	Mengkulang	

*PELAN KAWASAN PENEBAANGAN*

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

BORANG 2

[Seksyen 25]

No.....

PERINTAH MEMBERHENTIKAN KERJA HUTAN

Kepada.....  
.....  
.....

Saya,..... Pengarah Perhutanan,  
 Negeri ....., dalam menjalankan kuasa  
 yang diberikan kepada saya di bawah subseksyen 25(1) Akta Perhutanan  
 Negara 1984, dengan ini memerintahkan kamu.....  
 yang beralamat di ..... serta  
 pekhidmat dan ejen kamu supaya memberhentikan dengan serta-merta segala  
 kerja hutan \*dalam kawasan lesen kamu/dalam bahagian (bahagian-bahagian)  
 kawasan lesen kamu yang diperihalkan berikut ini:.....  
 .....  
 .....  
 .....

.....  
*Pengarah Perhutanan*

Negeri.....

Tarikh.....

Rujukan No.....

CATATAN :

Dengan ini kamu diberitahu bahawa mengikut subseksyen 25(2), mana-  
 mana orang yang tidak mematuhi notis ini melakukan suatu kesalahan dan  
 apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau  
 dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya;  
 dan jika kesalahan itu suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya  
 yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian dari  
 hari yang kesalahan itu berterusan.

*Akuan Terima Penyampaian*

Saya, .....  
 (K.P.P.N. No.....) yang beralamat di.....  
 .....  
 dengan ini mengaku menerima notis ini yang disampaikan kepada saya pada  
 (tarikh dan masa).....

Tandatangan.....

Nama.....

Jawatan.....

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

BORANG 3

[Subseksyen 30(4)]

LESEN KECIL No..... Tidak boleh dipindah milik

LESEN KECIL

\*Encik/Syarikat.....  
(K.P.P.N. No.....) yang beralamat di.....  
.....  
serta ejen dan pekhidmatnya adalah dibenarkan mengambil daripada—

\* (1) Tanah Kerajaan (nyatakan kawasan).....  
.....  
.....

\* (2) Hutan Simpanan Kekal (nyatakan kawasan).....  
.....  
.....  
sebagaimana ditunjukkan dengan warna merah dalam pelan di bahagian  
belakang lesen ini

hasil hutan yang berikut:

.....  
.....  
.....

tertakluk kepada syarat yang berikut:

*SYARAT*

.....  
.....  
.....  
.....

Lesen ini adalah sah dari.....hingga.....

Fi RM.....

Resit No.....

Tarikh.....

Rujukan No.....

.....  
Pegarah Perhutanan  
Negeri.....

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

PELAN KAWASAN

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

BORANG 4

[Subseksyen 36(4)]

PERMIT PENGGUNAAN No..... Tidak boleh dipindah milik

PERMIT PENGGUNAAN

Permit penggunaan ini membenarkan \*Encik/Syarikat .....  
.....; (K.P.P.N. No.....) yang beralamat di.....  
..... dan ejen atau pekhidmatnya—

\*(1) menduduki \*Kompartmen/Subkompartmen No.....  
bagi Hutan Simpanan Kekal.....  
yang kawasan yang berkaitan diperihalkan \*atau/dan ditandakan  
atas pelan di bahagian belakang permit ini, bagi maksud berikut:  
.....  
.....

\*(2) menjalankan aktiviti berikut: .....  
.....  
.....  
di dalam \*Kompartmen/Subkompartmen No..... bagi Hutan  
Simpanan Kekal..... yang kawasan yang berkaitan  
diperihalkan \*atau/dan ditandakan atas pelan di bahagian belakang  
permit ini, dengan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam  
permit ini dan kepada peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984.

*SYARAT*

- (1) Tanah itu hanya boleh digunakan bagi maksud atau aktiviti yang dinyatakan dalam permit ini.
- (2) Jumlah maksimum orang yang boleh diambil kerja adalah.....
- (3) Pemegang permit hendaklah mengemukakan kepada Pengarah suatu senarai nama (berserta dengan nombor K.P.P.N. mereka) kesemua orang yang diambil kerja dan tiada apa-apa perubahan boleh dibuat kepada senarai ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pengarah.

*SYARAT TAMBAHAN*

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Permit penggunaan ini adalah sah dari .....  
hingga.....

Fi RM.....

Resit No.....

Tarikh dikeluarkan.....

Rujukan No.....

.....  
*Pengarah Perhutanan*

Negeri.....

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

*PELAN KAWASAN*

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

BORANG 5

[Subseksyen 43(3)]

LESEN PEMINDAH NO.....

Tidak boleh dipindah milik

## LESEN PEMINDAH

Lesen pemindah ini membenarkan \*Encik/Syarikat .....  
 .....(K.P.P.N. No.....)  
 yang beralamat di.....  
 dan ejen atau pekhidmatnya yang diberi kuasa, memindahkan hasil hutan dari  
 \*tanah beri milik/tanah rizab/ tanah lombong/tanah di bawah lesen pendudukan  
 sementara berikut .....  
 .....  
 dengan tertakluk kepada syarat yang berikut:

## SYARAT

- (a) Jenis hasil hutan.....
- (b) Kuantiti.....
- (c) Kadar royalti.....
- (d) Semua hasil hutan mestilah dibawa ke balai pemeriksaan hasil  
 hutan yang berikut untuk pengukuran dan pembayaran royalti  
 yang ditaksir .....  
 .....

## SYARAT TAMBAHAN

.....  
 .....  
 .....  
 .....

Lesen pemindah ini adalah sah dari.....  
 hingga.....  
 Fi RM.....  
 Resit No.....  
 Tarikh.....

.....  
*Pengarah Perhutanan*

Negeri.....

---

 KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Tarikh dikeluarkan.....  
 Rujukan No.....  
 Nama \*pemunya/pemunya bersama/pemegang pajakan, dll.;



.....  
.....  
.....  
.....

*Tanah Beri milik	Geran / Q.T./ C.T. No.....
*Tanah Rizab	Lot No.....Mukim.....
*Tanah Lombong	Daerah.....
*Lesen Pendudukan Sementara	Pajakan Lombong No..... Lesen Pendudukan Sementara No..... Kebenaran lain..... Sah dari.....hingga.....

Dokumen diperiksa oleh.....

Tarikh.....

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

BORANG 6

[Subseksyen 47(3)]

PERMIT MASUK No.....

PERMIT MEMASUKI HUTAN SIMPANAN KEKAL

\*Encik/Syarikat.....  
(K.P.P.N. No.....) dan pekhidmat serta ejennya yang dinamakan berikut ini.....

.....  
adalah dibenarkan memasuki mana-mana bahagian Hutan Simpanan Kekal.....  
yang ditunjukkan dengan warna merah dalam pelan di bahagian belakang permit ini bagi maksud yang berikut:

.....  
.....  
dan dengan tertakluk kepada syarat berikut:

.....  
.....  
.....  
.....

Permit ini adalah sah dari.....  
hingga.....  
Fi RM.....  
Resit No.....  
Tarikh.....  
Rujukan No.....

.....  
*Pegawai Hutan diberi kuasa*  
Negeri.....

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

*PELAN KAWASAN*

---

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

BORANG 7

[Subseksyen 50(2)]

PERMIT JALAN No.....

PERMIT JALAN

Permit jalan ini membenarkan \*Encik/Syarikat .....  
.....(K.P.P.N. No. ....)  
yang beralamat di.....  
.....serta ejen dan pekhidmatnya  
yang diberi kuasa melalui jalan hutan berikut yang ditunjukkan dengan warna  
merah dalam pelan di bahagian belakang permit ini dengan tertakluk kepada  
syarat berikut:

SYARAT

- (a) Kelas kenderaan yang dibenarkan.....
- (b) Pemegang permit jalan ini hendaklah membayar tol sebanyak .....\*ringgit/muatan kenderaan / tan metrik kepada \*Encik/Syarikat .....

SYARAT TAMBAHAN

.....

.....

.....

.....

Permit jalan ini adalah sah dari.....hingga.....

Fi RM.....

Resit No.....

Tarikh.....

.....

*Pengarah Perhutanan*

Negeri.....

---

\*Potong mana yang tidak berkenaan.

PELAN JALAN

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

BORANG 8

[Subseksyen 70(2)]

PAS PEMINDAHAN NO.....

## PAS BAGI MEMINDAHKAN HASIL HUTAN

Pas ini membenarkan \*Encik/Syarikat.....  
 (K.P.P.N. No.....) yang beralamat di.....  
 .....memindahkan hasil hutan yang  
 diperihalkan di bawah ini yang telah diambil di bawah \*Lesen/Lesen Kecil/  
 Permit Penggunaan No..... dan dipunyai  
 oleh.....

Jenis hasil	Bilangan atau kuantiti	Panjang (meter)	Garis pusat Min (sentimeter)	Meter Padu		
				Isi padu	Potongan bagi rongga, dll.	Isi padu yang kena dibayar royalti
Jumlah						

Pendaftaran Pengangkut No.....

Destinasi.....

Tarikh.....

Masa.....

.....  
*Pegawai Hutan diberi kuasa*

---

\*Potong mana yang tidak berkenaan.

Pas ini hendaklah disimpan oleh pemandu pengangkut atau orang yang bertanggungjawab atas hasil hutan itu.

---

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 2(1)]

BAHAGIAN A-HASIL UTAMA HUTAN

Hasil utama hutan hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) Kayu bulat
- (b) Kayu jaras
- (c) Kayu api
- (d) Arang
- (e) Semua jenis rotan

BAHAGIAN B—HASIL KECIL HUTAN

Hasil kecil hutan hendaklah terdiri daripada hasil hutan lain yang tidak termasuk sebagai hasil utama hutan.

---

JADUAL KETIGA

[Seksyen 60]

SES PEMBANGUNAN HUTAN

Hasil Hutan	Kadar Ses
-------------	-----------

Semua hasil utama hutan daripada perihalan seperti berikut:

- |                         |                               |
|-------------------------|-------------------------------|
| (a) Kayu bulat ... ..   | RM2.80 tiap-tiap semeter padu |
| (b) Kayu ditukar bentuk | RM5.60 tiap-tiap semeter padu |
| (c) Kayu jaras ... ..   | 10 peratus daripada royalti   |
| (d) Kayu api ... ..     | 10 peratus daripada royalti   |
| (e) Arang ... ..        | 10 peratus daripada royalti   |
| (f) Semua jenis rotan   | 10 peratus daripada royalti   |

---

## JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 112]

## ENAKMEN

Enakmen Perhutanan N.M.B. 1934	...	...	...	<i>Bab 153</i>
Enakmen Perhutanan Johor	...	...	...	<i>J. En. No. 58</i>
Enakmen Perhutanan Kedah	...	...	...	<i>K. En. 15/1357</i>
Enakmen Perhutanan Kelantan	...	...	...	<i>Kn. En. 4/1939</i>
Enakmen Perhutanan Perlis	...	...	...	<i>Ps. En. 3/1370</i>
Ordinan Perhutanan N.S.	...	...	...	<i>Bab 147</i>
Enakmen Perhutanan Sabah 1968	...	...	...	<i>Sabah En. 2/68</i>
Ordinan Perhutanan Sarawak	...	...	...	<i>Sarawak Bab 126</i>
Enakmen Perhutanan Terengganu	...	...	...	<i>Tr. No. 44 /1356</i>

## JADUAL KELIMA

[Seksyen 114]

UBAH SUAIAAN BAGI WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

(1)

Peruntukan

(2)

Ubah suaian

Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata sebaliknya kemudian daripada ini)

1. Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan Persekutuan.

2. Sebutan mengenai tanah Kerajaan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tanah Persekutuan.

(1) Peruntukan	(2) Ubah suaian
Seksyen 2     ...    ...	<p>1. Gantikan tafsiran “Pengaruh” dengan yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">‘ “Pengaruh” ertinya Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan termasuklah Timbalan Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;’.</p> <p>2. Potong perkataan “atau Negeri” daripada tafsiran “jalan hutan”.</p> <p>3. Sebutan mengenai Negeri dalam tafsiran “undang-undang hutan terdahulu” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.</p>
Seksyen 3     ...    ...	<p>Gantikan seksyen 3 dengan yang berikut:</p> <p>“Pelantikan pegawai</p> <p>3. (1) Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh melantik seorang Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan beberapa orang Timbalan Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Penolong Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pegawai lain sebagaimana perlu.</p> <p style="padding-left: 40px;">(2) Pelantikan Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Timbalan Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Penolong Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah disiarkan dalam <i>Warta</i>.”.</p>
Seksyen 4     ...    ...	<p>1. Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.</p> <p>2. Sebutan mengenai Jabatan Perhutanan Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Jabatan Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.</p> <p>3. Sebutan mengenai rancangan pengurusan hutan Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai rancangan pengurusan hutan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.</p>

(1) Peruntukan	(2) Ubah suaian
Seksyen 5      ... ..	Sebutan mengenai Penolong Pegawai Hutan Daerah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Penolong Pengarah Perhutanan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Seksyen 6      ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 7      ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 9      ... ..	<p>1. Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri yang terdapat buat pertama kalinya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.</p> <p>2. Sebutan mengenai Negeri yang terdapat di baris ketujuh hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.</p>
Seksyen 10     ... ..	<p>1. Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.</p> <p>2. Subbutiran (1)(k) adalah tidak terpakai.</p>
Seksyen 11     ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 12     ... ..	<p>1. Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.</p> <p>2. Sebutan mengenai Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.</p>
Seksyen 13     ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.



(1) Peruntukan	(2) Ubah suaian
Seksyen 16 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 18 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 19 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 20 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 22 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 23 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Subseksyen 27(4) ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 28 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 29 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 33 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 34 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.

(1) Peruntukan	(2) Ubah suaiian
Subseksyen 40(3) ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 41 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 42 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 45 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 46 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 56 ... ..	<p>1. Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.</p> <p>2. Gantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:</p> <p>“(2) Kumpulan Wang itu hendaklah ditadbirkan oleh suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembangunan Perhutanan” (kemudian daripada ini disebut “Jawatankuasa”) yang terdiri daripada—</p> <p>(a) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi perhutanan, sebagai Pengerusi;</p> <p>(b) wakil Perbendaharaan yang dilantik oleh Menteri; dan</p> <p>(c) Pengarahnya.”.</p>
Subseksyen 57(1) ... ..	<p>1. Gantikan perkataan “Dewan Undangan Negeri” dengan perkataan “Parlimen”.</p> <p>2. Potong perenggan (c).</p>

(1) Peruntukan	(2) Ubah suaian
Seksyen 58 ... ..	Sebutan mengenai rancangan pengurusan hutan Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai rancangan pengurusan hutan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Seksyen 59 ... ..	1. Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri dalam subseksyen (3) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.  2. Gantikan subseksyen (4) dengan yang berikutnya:  “(4) Menteri hendaklah menyebabkan supaya satu salinan penyata dan pandangan yang diberi kepadanya di bawah subseksyen (3) dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.”.
Subseksyen 60(2) ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 61 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri yang terdapat buat kali kedua hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 62 ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Subseksyen 63(3) ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Subseksyen 77(1) ... ..	Gantikan perkataan “Pejabat Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Tanah Daerah” dengan perkataan “Pejabat Hutan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.”
Subseksyen 80(2) ... ..	Sebutan mengenai Kumpulan Wang Disatukan Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(1) Peruntukan	(2) Ubah suaiian
Seksyen 85      ... ..	Gantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:  <p style="margin-left: 40px;">“(1) Tiada seorang pun boleh membawa ke dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur apa-apa hasil hutan dari mana-mana Negeri melainkan jika dia memiliki suatu pas pemindahan yang sah yang dikeluarkan oleh pegawai berkuasa Negeri itu.”</p>
Subseksyen 88(3)... ..	Sebutan mengenai Penolong Pegawai Hutan Daerah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Penolong Pengarah Hutan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Subseksyen 90(1)... ..	Sebutan mengenai Penolong Pegawai Hutan Daerah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Penolong Pengarah Hutan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Seksyen 94      ... ..	Sebutan mengenai Pegawai Hutan Daerah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Penolong Pengarah Hutan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Seksyen 97      ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Subseksyen 103(2)      ... ..	Potong perkataan “Penasihat Undang-Undang Negeri.”
Subseksyen 111(1) dan perenggan 2(i)	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 112      ... ..	Sebutan mengenai “suatu Negeri” dan “Negeri itu” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Seksyen 113      ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.
Seksyen 116      ... ..	Sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri.

---

JADUAL KEENAM

[Perenggan 104(e)]

BAHAGIAN A - JENTERA

- (a) Penggred
- (b) Penyangga
- (c) Jentolak
- (d) Traktor
- (e) Penarik berwin

BAHAGIAN B - PERALATAN

- (a) Tali dawai
- (b) Parang
- (c) Kapak
- (d) Tangki bahan api atau minyak
- (e) Tong minyak
- (f) Pita pengukur
- (g) Gergaji berantai
- (h) Gergaji berkuasa
- (i) Gergaji bergerak
- (j) Gergaji tangan
- (k) Penyepit balak
- (l) Cangkuk balak
- (m) Baji

BAHAGIAN C - PENGANGKUT

1. DARAT

- (a) Lori balak
- (b) Lori berwin
- (c) Lokomotif

2. UDARA

- (a) Pesawat udara
- (b) Belon

## 3. AIR

- (a) Bot
  - (b) Baj
  - (c) Tongkang
  - (d) Sampan
  - (e) Pontun
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 313****AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 82/1986	Perintah Perhutanan Negara (Pindaan) 1986	01-04-1986
Akta A864	Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur— 15-01-1994

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 313****AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A864	15-01-1994
3	Akta A864	15-01-1994
5	Akta A864	15-01-1994
12	Akta A864	15-01-1994
15	Akta A864	15-01-1994
25	Akta A864	15-01-1994
32	Akta A864	15-01-1994
40	Akta A864	15-01-1994
47	Akta A864	15-01-1994
50	Akta A864	15-01-1994
66	Akta A864	15-01-1994
67	Akta A864	15-01-1994
68	Akta A864	15-01-1994
69	Akta A864	15-01-1994
81	Akta A864	15-01-1994
82	Akta A864	15-01-1994
83	Akta A864	15-01-1994
84	Akta A864	15-01-1994
85	Akta A864	15-01-1994
86	Akta A864	15-01-1994
87	Akta A864	15-01-1994
92	Akta A864	15-01-1994
93	Akta A864	15-01-1994
94	Akta A864	15-01-1994
96	Akta A864	15-01-1994
97	Akta A864	15-01-1994



Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
98	Akta A864	15-01-1994
100	Akta A864	15-01-1994
100A	Akta A864	15-01-1994
100B	Akta A864	15-01-1994
101	Akta A864	15-01-1994
101A	Akta A864	15-01-1994
104	Akta A864	15-01-1994
106	Akta A864	15-01-1994
107	Akta A864	15-01-1994
109	Akta A864	15-01-1994
110	Akta A864	15-01-1994
110A	Akta A864	15-01-1994
Jadual Pertama	Akta A864	15-01-1994
Jadual Kedua	Akta A864	15-01-1994
Jadual Ketiga	Akta A864	15-01-1994
Jadual Kelima	P.U. (A) 82/1986	01-04-1986
Jadual Keenam	Akta A864	15-01-1994
Keseluruhan Akta	Akta A864	15-01-1994

---